Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 85 Sa
No Perolehan: T 0979
Tarikh: 18 MAR 1986

# POLITIK KEMISKINAN:
# KESAN DAN PENGARUHNYA DI KALANGAN PENDUDUK
# (SATU TINJAUAN UMUM DI KAMPONG SAKAR PASIR MAS KELANTAN)

OLEH
SAZALI BIN HAMZAH
043216

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESI 1985/86

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Saya sesungguhnya berterima kasih kepada Encik Mohd Nor Hj Nawawi selaku penyelia latihan ilmiah dan kajian luar saya. Beliau banyak memberi pertolongan dan kerjasama kepada saya. Tanpa nasihat, kritik dan cadangan yang membina dari beliau kemungkinan besar saya akan menghadapi masalah dalam menyempurnakan latihan ini. Atas segala pertolongan dan kerjasama yang diberikan oleh beliau sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada nama-nama berikut atas sokongan moral dan material yang diberikan iaitu:

(1) Saudara Zulkifli Omar dari Bahagian Gunaan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya.

(2) Encik Mohammad Agus dari Jabatan Sains politik Universiti Kebangsaan Malaysia.

(3) Saudari Hamidah Sulaiman dari Jabatan Elektrik Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya.

(4) Halim Ibrahim, Along, Rahman dan seluruh penduduk Kampong Sakar atas kerjasama yang diberikan.

Sekian Wassalam.

Sazali Hamzah,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya 1985/86,
Kuala Lumpur.

Pasir Mas Kelantan.

University of Malaya

# KANDUNGAN

MUKASURAT

Dedikasi .................................................. i

Penghargaan .................................................. ii

Kandungan .................................................. iii - v

Senarai Jadual .................................................. vi

Sinopsis .................................................. vii - viii

BAB 1

1 Pengenalan kajian .................................. 1
1.2 Tujuan kajian .................................. 2
1.3 Kepentingan kajian .................................. 2
1.4 Bidang kajian .................................. 3
1.5 Masalah kajian .................................. 4
1.6 Metodologi kajian .................................. 4
1.7 Konsep dan Definasi .................................. 5
1.7.1 Politik dan Politik Kemiskinan .................. 5
1.7.2 Kemiskinan .................................. 8

BAB 2

2 Teori-teori tentang kemiskinan ................ 11
2.1 Pengenalan tentang kemiskinan di Malaysia
Secara umum .................................. 18
2.2 Garis ukur kemiskinan di Malaysia ............ 22
2.3 Agihan, ciri-ciri dan bentuk kemiskinan ...... 26

University of Malaya

MUKASURAT

BAB 3


| | | |
|---|---|---|
| 3 | Politik Kelantan masa kini dan hubungannya dengan ekonomi serta kemiskinan ............... | 29 |
| 3.1 | Latarbelakang sejarah politik Kelantan secara ringkas .................................. | 29 |
| 3.2 | Politik Kelantan masa kini ................... | 31 |
| 3.3 | Hubungan politik dengan pembangunan ekonomi dan kemiskinan ............................. | 33 |
| 3.4 | Kesan-kesan yang timbul akibat hubungan politik dengan pembangunan dan kemiskinan ............. | 38 |


BAB 4


| | | |
|---|---|---|
| 4 | Latarbelakang kawasan kajian dan beberapa program pembangunan secara ringkas ..................... | 41 |
| 4.1 | Latarbelakang Mukim/Kampong Sakar secara ringkas | 41 |
| 4.2 | Pembangunan di kampong Sakar dan pihak yang bertanggungjawab menggerakkannya ............. | 44 |
| 4.2.1 | Pembangunan dan kemajuan ekonomi ............. | 45 |
| 4.2.2 | Pembangunan dan kemajuan sosial ............... | 47 |
| 4.2.3 | Pembangunan dan kemajuan politik ............. | 48 |
| 4.3 | Peranan Jawatankuasa kemajuan kampong di kampong Sakar ....................................... | 49 |
| 4.4 | Kesan pelaksanaan projek pembangunan ke atas kemiskinan dan penduduk tempatan .............. | 52 |

MUKASURAT

BAB 5


| | | |
|---|---|---|
| 5 | 'Politics of Fear' di kalangan penduduk kampong/Mukim Sakar ........................ | 55 |
| 5.1 | Konsep 'Politics of Fear' .................... | 55 |
| 5.2 | Faktur-faktur yang mengujudkannya ........... | 57 |
| 5.2.1 | Politics of Fear di kawasan/Mukim Sakar ...... | 63 |
| 5.3 | Kesan-kesan 'Politics of Fear' dalam kehidupan masyarakat Kampong Sakar .................... | 69 |


BAB 6


| | | |
|---|---|---|
| 6 | Persepsi dan reaksi penduduk terhadap politik kemiskinan dan beberapa isu pembangunan ...... | 74 |
| 6.1 | Persepsi dan reaksi dalam konteks kajian ini . | 74 |
| 6.2 | Persepsi dan reaksi penduduk Melayu terhadap politik kemiskinan ......................... | 77 |
| 6.2.1 | Persepsi dan reaksi penyokong UMNO .......... | 78 |
| 6.2.2 | Persepsi dan reaksi penyokong PAS ........... | 82 |
| 6.3 | Persepsi dan reaksi penduduk Cina terhadap politik kemiskinan dan isu pembangunan ....... | 84 |
| 6.4 | Kesan perbedaan persepsi dan reaksi yang berlaku di kalangan penduduk ................ | 87 |


BAB 7


| | | |
|---|---|---|
| 7 | Kesimpulan .................................. | 89 |
| 7.1 | Pengenalan .................................. | 89 |
| 7.2 | Kesimpulan .................................. | 90 |


University of Malaya

## SENARAI JADUAL


| | | MUKASURAT |
|---|---|---|
| Jadual 1 | Isi Rumah Yang Miskin Mengikut Etnik | |
| Jadual 2 | Kadar Kemiskinan Mengikut Sektor | 19 |
| Jadual 3 | Kampong dan Bilangan Penduduk Dalam Mukim Sakar | 41 |
| Jadual 4 | Jenis Guna Tanah Di Mukim Sakar Serta Keluasannya | 42 |
| Jadual 5 | Pendapatan Purata Bulanan Berdasarkan Etnik | 43 |
| Jadual 6 | Parti Politik Dan Peratus Penyokongnya | 78 |

SINOPSIS

Latihan ini mengandungi 7 bab. Bab 1 adalah pengenalan kepada kajian ini dengan menitik beratkan kepada tujuan kajian, kepentingan kajian, kaedah, masalah kajian serta konsep politik dan politik kemiskinan juga konsep kemiskinan. Bab 2 pula akan menerangkan tentang teori-teori kemiskinan, ulasan kemiskinan serta ciri-ciri kemiskinan di Malaysia secara ringkas. Ianya sekadar untuk memberi kefaham tentang kemiskinan terutama sekali yang berlaku di Malaysia.

Bab 3 akan membincangkan tentang sejarah politik Kelantan serta keadaan politik Kelantan masa kini. Kemudian akan di lihat hubungan politik dengan pembangunan (terutamanya ekonomi) dan kemiskinan. Di samping itu kesan-kesan yang timbul akibat dari hubungan ini turut sama di lihat.

Bab 4 akan menumpukan perhatian kepada kawasan kajian dengan pembangunan yang dijalankan di situ. Berhubung dengan projek pembangunan di situ peranan JKKK juga akan dinilai. Bab ini akan diakhiri dengan meninjau kesan pembangunan yang dilaksanakan ke atas kemiskinan dan penduduk di situ. Bab 5 pula khusus melihat 'Politics of Fear yang ujud di kalangan penduduk akibat dari politik kemiskinan yang berlaku dalam projek pembangunan serta masalah kemiskinan. Faktor-faktor yang mengujudkan 'politics of Fear' ini turut sama di lihat. (Bab 3 dan 4 boleh menolong

menjelaskan lagi bagaimana politik kemiskinan dan politics of fear berlaku di kalangan masyarakat khususnya di tempat kajian) bab ini diakhiri dengan melihat kesan-kesan Politics of Fear dalam kehidupan masyarakat kampong Sakar.

Bab 6 merupakan ini kepada keseluruhan bab yang terdahulu. Ini adalah kerana ia memperlihatkan persepsi dan reaksi penduduk terhadap politik kemiskinan dan isu pembangunan yang berlaku selama ini. Bab 7 adalah kesimpulan secara keseluruhan kepada apa yang telah dibincangkan bab demi bab.

University of Malaya



JAJAHAN PASIR MAS
Sekil 2 Batu satu inci.
THAILAND
TUMPAT
KOTA BHARU
TANAH MERAH
G4-B
G4-C
G4-D
G5-AB
G5-C
G5-D
G6-A
G6-B
G6-C
G6-D
F6-B
F6-D
H5-C
H6-A
H6-C
H6-D
J5-CII
J6-AI
KALA
MERANTI
BAKONG
LALANG
KUBANG KETAM
KUBANG GENDANG
LUBOK SETOL
TOK UBAN
GUAL PERIOK
RANTAU PANJANG

# mukim sakar




University of Malaya

## BAB 1

### 1. Pengenalan Kajian

Kemiskinan sehingga kini masih tetap menjadi masalah sosio-ekonomi yang sukar di atasi dengan berkesan. Walaupun banyak langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan namun ianya masih berterusan. Buktinya pada 1975 banci yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan lebih kurang 58.6% masyarakat kampong adalah miskin. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia KeEmpat (KSRPME) juga menunjukkan kira-kira 30.3% dari 2,370,000 keluarga berada ditahap miskin.

Paling menarik melihat kemiskinan ialah tentang adanya pengaruh politik yang kuat dalam soal mengatasinya. Ini adalah kerana ia telah memberi kesan terhadap 'persepsi' dan 'reaksi' masyarakat kampong terhadap projek pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan. Selain dari itu ianya turut memberi kesan ke atas ekonomi[1], sosial[2] dan politik[3] masyarakat

---

[1] Untuk keterangan lanjut sila lihat, Ungku Aziz, "Facts and Falacies about Malay Economy," 1962, lihat juga Syed Husin Ali. 'The Malays; Their Problems and Future, 1981 dan lain-lain.

[2] Lihat, M. Robertson, "Poverty: 'Explaination of social deprivation,' (London) 1978.

[3] Lihat Thambipillai dan Pushpathani,' "Political participation in rural Malaysia,' Desertation (M. Soc. Sc), U.S.M., 1975.
Lihat juga Hungtington, "No easy choice." 1976

kampong. Kesan serta pengaruh politik dan kemiskinan yang kuat ke atas perkara-perkara yang disebut di atas dikalangan orang kampong telah mendorong kajian ini dijalankan.

1.2 Tujuan kajian

Antara tujuan kajian ini ialah untuk;

1. Melihat kemiskinan secara umum dikalangan masyarakat kampong dengan membincangkan pendapat beberapa orang pengkaji tentang punca sebenar kemiskinan itu.

2. Meninjau secara mendalam apakah hubungan antara politik, dengan kemiskinan (sehingga telah menimbulkan konsep politik kemiskinan) itu telah mengujudkan suasana:

   (a) 'Politicization'.

   (b) 'Political Fear'.

3. Meneliti bagaimanakah persepsi dan reaksi masyarakat kampong terhadap perkara seperti isu pembangunan dan juga hubungan politik dan kemiskinan (politik kemiskinan).

4. Melihat secara ringkas kesan dan pengaruh kemiskinan serta politik ke atas persepsi dan reaksi sesebuah masyarakat terutama di kawasan kajian.

1.3 Kepentingan kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan. Antaranya secara ringkas ialah dalam bidang ilmiah dan kepentingan umum.

University of Malaya

Dalam bidang ilmiah, kajian ini dirasakan dapat melengkapkan lagi kajian yang telah dibuat sebabnya. Di samping itu ia juga boleh dijadikan bahan rujukan oleh pelajar akan datang yang ingin mengkaji tentang kemiskinan dan politik. Satu lagi ialah kajian ini diharap dapat memperbanyakkan lagi bilangan kajian yang telah ada khususnya berkait dengan tajuk kemiskinan dan politik.

Bagi kepentingan umum pula, kajian ini dirasakan dapat menolong memecahkan beberapa persoalan yang berkait dengan politik dan kemiskinan dalam masyarakat hari ini. Dengan cara ini ianya diharapkan dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pihak tertentu tentang kemiskinan. Dengan itu juga dapatlah pihak tertentu mengambil langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah kemiskinan ini.

## 1.4 Bidang kajian

Terdapat dua perkara penting yang menjadi bidang dalam kajian ini. Perkara yang pertama ialah peranan politik dan masalah kemiskinan. Tumpuan akan diberikan kepada setakat manakah politik ada kaitannya dengan kemiskinan. Ini penting kerana banyak bukti menunjukkan betapa politik mempunyai pengaruh dalam sesuatu perkara.[4]

---

[4] Untuk melihat bagaimanakah politik mempunyai peranan dalam sesuatu perkara sila lihat, Rokiah Talib, "The politics of Land Development in Malaysia," Jernal Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U. Malaya 1983, lihat juga Azizah Kassim, Politic of Accomodation, 1985. Tesis untuk Ph.D. Universiti Malaya lihat juga Guyot.D., "Land and Politics in Trengganu and Pahang," 1971.

Perkara kedua ialah tentang persepsi dan reaksi yang ditunjukkan oleh penduduk kampong terhadap isu pembangunan dan politik kemiskinan. Tumpuan akan diberikan kepada setakat manakah kemiskinan dan politik mempengaruhi persepsi dan reaksi tersebut. Inilah secara kasarnya bidang kajian pengkaji.

## 1.5 Masalah kajian

Satu-satunya masalah yang dihadapi oleh pengkaji ialah tentang perkara yang dikaji. Pembicaraan mengenai politik dan kemiskinan banyak menimbulkan kerumitan. Ini kerana politik itu mempunyai banyak tafsiran dan sensitif. Kesulitannya semakin bertambah bila politik dihubungkan dengan masalah kemiskinan. Di samping pengkaji terpaksa berhati-hati membuat analisa tentang persepsi dan reaksi penduduk kampong, bagi menjamin analisa yang dibuat tepat dan tidak 'bias'.

Pada peringkat awal kajian, penulis telah menghadapi sedikit masalah tentang kerjasama yang diberikan oleh respordan Cina dan mereka menyokong PAS didapati teragak-agak untuk memberi kerjasama lebih-lebih lagi bila soalan politik diajukan. Walau bagaimanapun, ini kemudiannya dapat di atasi dengan baik.

## 1.6 Metodologi kajian

Beberapa cara telah digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi menjayakan kajian ini. Cara interview merupakan yang paling banyak digunakan.

University of Malaya

Interview dijalankan dengan dua cara iaitu:

1. Formal interview

2. Informal interview

Dua cara ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang bercorak objektif seperti pendapatan, perbelanjaan dan lain-lain dan juga maklumat yang bercorak subjektif dan personal seperti contoh penglibatan politik, hubungan sosial serta harta kekayaan.

Penulis juga telah membuat pemerhatian tanpa ikut serta untuk memahami keadaan di kampong kajian secara lebih jelas. Lagipun penulis adalah anak tempatan di situ. Akhir sekali untuk melengkapkan bahan kajian, cara library research juga telah digunakan oleh pengkaji.

## 1.7 Konsep dan Definasi

### 1.7.1 Politik dan politik kemiskinan

Untuk memberikan definasi dan konsep politik dalam ertikata sebenar adalah sukar. Justeru kerana politik mempunyai konsep dan pengertian. Di tambah pula ianya berbeda antara individu dengan individu yang lain. Walau bagaimanapun pengertian tentang politik banyak diberikan pengkaji politik. Rogers H. Soltan telah memberikan pengertian politik berdasarkan perkataan asal politik iaitu:

> "Literality, it is everything that concern or belongs to the 'polis', or city or letter, country. Since the 'city' is no longer the unit of common life"[5]

Beliau mengatakan unsur politik ujud bila adanya perkara dan kepentingan yang dikongsi bersama dalam sesebuah masyarakat. Beliau juga menegaskan iaitu banyak perkara yang tidak sepatutnya tidak dikongsi bersama telah menjadi sebaliknya dan melibatkan politik.

Katanya:

> "... There is, as we shall see, no aspect or our common life which may not, sometimes and somehow, become political..."[6]

Perkara demikian terjadi kerana politik melibatkan kuasa seperti yang dinyatakan oleh Francis G. Gastles iaitu;

> "Politics necessarily involves the exercise of power, and to have power over anything other than inannimate nature means the establishment of an interaction in which one actions are other-regarding in the sense of asserting a claim to obedience and others regard that assertion as significant, whether or no they are willing to accord it legitimacy"[7]

---

[5] Rogers H. Soltan, 'An introduction to politics', Longmans, 1957, m.s 1.

[6] Ibid. m.s 1

[7] Francis G. Gastles, "Politics and Social insight", Routledge and Keegan Paul, London 1971.

Kenyataan yang dibuat oleh Francis G. Gastles memang ujud terutama dalam masyarakat kampong hari ini. Mereka menganggap politik sebagai satu 'kuasa' dan 'berkuasa' di mana ia mampu membalik perlakuan dan pemikiran tertentu di kalangan anggota masyarakat.

Jelas sekali politik sentiasa ada dalam sesebuah masyarakat. Hubungan di kalangan anggota masyarakat akan menjadikannya sebagai hubungan politik terutama bila tindakan sebilangan anggota masyarakat akan mempengaruhi tindakan anggota masyarakat yang lain. Selain dari itu bila hubungan antara anggota masyarakat didasarkan kepada kepentingan bersama, akan ujudlah satu kuasa yang menentukan pehak manakah di kalangan anggota masyarakat akan mendapat lebih banyak kepentingan yang dikongsi itu. Kuasa ini disebut sebagai kuasa politik.

Sehubungan dengan konsep di atas, muncul pula satu lagi konsep yang disebut politik kemiskinan. Konsep ini secara mudanya bererti terdapatnya permainan pengaruh dan kuasa politik dalam persoalan dan masalah kemiskinan. Permainan politik berlaku di semua peringkat. Dari peringkat atas (negara keseluruhan) hinggalah keperingkat bawah (kampong-kampong). Kesan dari permainan politik ini banyak dirasai oleh orang kampong yang miskin. Harus diingatkan yang 'politik kemiskinan' ini tidak saja berlaku antara golongan atas menekan golongan bawah tetapi di kalangan golongan bawah sesama mereka jua banyak berlaku permainan politik ini.

1.7.2 Kemiskinan

Pengkaji akan menggunakan beberapa konsep dan pengertian saja untuk menjelaskan tentang kemiskinan (kerana bab berikut akan menjelaskan lagi tentang kemiskinan). Mengikut J.L. Roach dan J.K. Roach[8] mengatakan kemiskinan terjadi bila terdapatnya kekurangan dari segi keperluan asas. Definasi ini sudah tentu tidak mencukupi untuk memahami kemiskinan. Untuk melengkapkan lagi pengertian tadi kita politik definasi kemiskinan yang diberikan oleh International Encyclopedia of Social Science iaitu kemiskinan ialah:

> "...not merely economic inequality (of poverty, income, living standard etc.) but also social inequality, that is a relation of inferiority dependence or exploitation."[9]

Di sini kemiskinan dilihat tidak saja dari kekurangan keperluan asas dan ketidaksamaan ekonomi, malahan ianya melibatkan aspek sosial. Rasa pergantungan yang kuat, rendah diri dan seringkali dieksploitasi merupakan sebahagian daripada ciri-ciri yang meletakkan seseorang itu ditahap miskin. Gunar Mydral juga mengatakan yang kemiskinan itu melibatkan 2 aspek iaitu ekonomi dan sosial. Ketidakseimbangan sosial menjadi sebab kepada kepincangan ekonomi, sementara kepincangan ekonomi pula membantu ke arah mengujudkan ketidaksamaan sosial. Akhirnya kedua-dua ini menjadi sebab yang paling penting kepada persoalan kemiskinan keseluruhannya.

---

[8] Roach J.L. and Roach J.K., 'Poverty', Harworth, Middlesex, England, Penguin, 1972.

[9] International Encyclopedia of Social Science, Vol. 12, 1968.

Pengkaji tempatan yang lebih peka dengan persoalan kemiskinan di negara ini juga tidak ketinggalan dalam memberikan pengertian dan konsep terhadap kemiskinan. Syed Husin Ali dan Kamal Salih tidak mengenepikan aspek sosial dalam konsepsi mereka terhadap kemiskinan. Malahan mereka telah menggariskan beberapa perkara yang perlu dipenuhi oleh seseorang individu. Bagi mereka kegagalan untuk memenuhi keperluan ini menyebabkan seseorang itu tergolong ditahap kemiskinan. Antara keperluan ini ialah:

1. Keperluan asasi yang mencukupi mengikut garis ukuran sara hidup yang ditetapkan pada satu-satu masyakat dan pada satu keadaan tertentu. Keperluan asasi ini ialah seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian.
2. Kemudahan sosial yang memuaskan seperti persekolahan, kesihatan serta kemudahan awam yang lain. Di samping itu mempunyai laluan yang luas kepada sumber <u>kuasa sosial</u>, <u>kuasa politik</u>, pemilikan punca keluaran dan lain-lain.
3. Keupayaan segi pendapatan mengikut garis kemiskinan yang telah ditetapkan mengikut keadaan dan masa tertentu.[10]

Dengan mengambil kira pengertian dan konsep yang diberikan oleh pengkaji barat dan tempatan, dapatlah dibuat satu rumusan iaitu kemiskinan ialah satu keadaan di mana terdapatnya kekurangan baik dari segi ekonomi, sosial dan politik. Dari segi ekonomi contohnya ialah seperti pendapatan yang kurang dan tidak dapat menampung keperluan asas tertentu. Sementara segi sosial ialah seperti kurangnya peluang untuk mengubah kedudukan sosial dan mendapat kemudahan sosial yang lain.

---

[10] Syed Husin Ali dan Kamal Salih, 'Aspek-aspek Kemiskinan dari sudut Sosiologi, kertas kerja, Seminar kemiskinan Luar Bandar, 21-23 April 1983.

Jelas di sini yang kemiskinan adalah disebabkan oleh Kepincangan Sosial dan ekonomi. Kemiskinan yang melibatkan dua aspek inilah yang paling banyak dialami oleh kebanyakan masyarakat dunia termasuk di Malaysia.

Di sini kemiskinan akan dilihat dari dua teori/pendekatan. Pertama pendekatan sosio-budaya yang mengambil ciri-ciri budaya sesuatu masyarakat sebagai dasar berlakunya kemiskinan. Kedua ialah pendekatan struktural yang mengaitkan kemiskinan dengan struktur sosial dan ekonomi sesebuah masyarakat.

Dalam pendekatan sosio-budaya, Oscar Lewis menyebut bahawa kemiskinan sebenarnya telah menjadi satu daripada ciri budaya dalam sesebuah masyarakat. Melalui kajiannya disebuah komuniti di Puerto Rico, beliau telah menyebut satu daripada ciri masyarakat miskin di sana iaitu:

> "Lack of affective participation and obligation of the power in the major institution of larger society."[1]

Ciri-ciri yang sebeginilah mengikut pendapat beliau, menyebabkan kemiskinan berterusan dalam sesebuah masyarakat. Kenyataan ini sekurang-kurangnya dapat dilihat dikalangan masyarakat luar bandar di sini. Kegagalan mereka melibatkan diri dalam beberapa institusi yang menyediakan peluang kepada mereka untuk mengubah kehidupan miskin telah menyebabkan mereka masih berada ditakuk lama.

---

[1] Oscar Lewis, La Vida: A Puerto Rican Family in Culture of Poverty, Vintage Books, New York, 1966.

University of Malaya

- BAB 2

## 2. Teori-teori Tentang Kemiskinan

Di sini kemiskinan akan dilihat dari dua teori/pendekatan. Pertama pendekatan sosio-budaya yang mengambil ciri-ciri budaya sesuatu masyarakat sebagai dasar berlakunya kemiskinan. Kedua ialah pendekatan struktural yang mengaitkan kemiskinan dengan struktur sosial dan ekonomi sesebuah masyarakat.

Dalam pendekatan sosio-budaya, Oscar Lewis menyebut bahawa kemiskinan sebenarnya telah menjadi satu daripada ciri budaya dalam sesebuah masyarakat. Melalui kajiannya disebuah komuniti di Puerto Rico, beliau telah menyebut satu daripada ciri masyarakat miskin di sana iaitu:

> "Lack of affective participation and obligation of the power in the major institution of larger society."[1]

Ciri-ciri yang sebeginilah mengikut pendapat beliau, menyebabkan kemiskinan berterusan dalam sesebuah masyarakat. Kenyataan ini sekurang-kurangnya dapat dilihat dikalangan masyarakat luar bandar di sini. Kegagalan mereka melibatkan diri dalam beberapa institusi yang menyediakan peluang kepada mereka untuk mengubah kehidupan miskin telah menyebabkan mereka masih berada ditakuk lama.

---

[1] Oscar Lewis, La Vida: A Puerto Rican Family in Culture of Poverty, Vintage Books, New York, 1966.

University of Malaya

Pendapat Lewis ini dikemukakannya menerusi konsep 'budaya miskin' yang terkanal itu. Lewis berpendapat:

> "The culture of poverty is not just a matter of deprivation. It is a culture which provide human being with design for living, with a ready made set of solution for human problems."

Walaubagaimanapun konsep budaya miskin ini tidak menerangkan bagaimana ciri-ciri yang mengujudkan kemiskinan itu boleh berlaku. Sehubungan itu dengan itu beberapa komen telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji kemiskinan yang lain. Mereka ini telah mengemukakan teori lain yang mengaitkan faktor-faktor lain sebagai sebab berlakunya kemiskinan.

Parkinson[2], Swift[3] dan Wilson[4] misalnya mengaitkan unsur budaya dan agama dalam sesebuah masyarakat sebagai sebab utama kepada kemiskinan. Unsur ini dikatakan mempengaruhi sikap anggota masyarakat terhadap usaha-usaha yang dibuat untuk mengatasi kemiskinan. Dalam kes masyarakat Melayu, Parkinson mengatakan yang sikap dan pegangan agama, menjadikan mereka mundur dan miskin. Sikap merendah diri yang berlebihan menyebabkan mereka cepat mengalah dalam persaingan merebut peluang hidup yang lebih baik. Parkinson menjelaskan iaitu:

---

[2]Lihat Parkinson B.K.: Non Economic Factors in the Economic Retendation of Rural Malay, Modern Asian Studies, Vol. 1, 1967, m.s. 31-46.

[3]Swift M.G., Malay Peasant Society in Jelebu, London, Athlone Press, 1965, m.s. 29-30.

[4]Wilson Peter J., A Malay Village and Malaysia, Social Values and Rural Development, Chap. 4, New Haven, Conn. HRAF. Press, 1967.

> "The Lslamic belief that all things are emanations from God is another important force affecting the Malays economic behaviour, for it tends to make them fatalistic in their approach to life."[5]

Pegangan yang mengatakan semua perkara yang terjadi adalah dengan kehendak Tuhan serta tidak dapat dielakkan menyebabkan Pantai Melayu malas berusaha untuk memajukan diri dan keluarga mereka. Sikap, nilai dan pegangan agama inilah yang dikatakan oleh Parkinson menyebabkan banyak usaha untuk membaiki keadaan hidup orang Melayu sering gagal. Pendapat Parkinson dipersetujui oleh Swift. Beliau memberikan alasan yang mampu sama tentang kemiskinan dikalangan orang Melayu, katanya:

> "Malay is very prone, after receiving a setback, to give up striving and say that he has no luck, that it is the will of God. In economic affairs, this is most clearly seen in the concept of rezeki, a person's divinely inspired economic lot."[6]

Inilah antara pendapat yang dikemukakan dalam teori kemiskinan yang menggunakan pendekatan sosio-budaya. Walaubagaimanapun untuk mengatakan sikap, nilai dan agama sebagai faktor utama berlakunya kemiskinan di kampong. Khususnya orang Melayu adalah tidak tepat. Masyarakat kampong tidaklah sekolot dulu. Malahan Islam sendiri menggalakkan umatnya bekerja keras untuk kesejahteraan hidup. Sesungguhnya pendapat Parkinson dan Swift ini dibuat kerana kejahilan mereka terhadap Islam dan nilai hidup orang Melayu.

---

[5]Parkinson B.K., Op. Cit., hal. 336.

[6]Swift M.G., Op. Cit., m.s. 29-30.

Pendapat Parkinson dan Swift mendapat banyak kritik dari pengkaji lain terutamanya pengkaji tempatan. Misalnya Syed Husin Ali, Fauzi Haji Yaakob dan William Wilder.

Wilder[7], misalnya mencetakkan bahawa Parkinson bukan sahaja silap dari segi fakta kajiannya, malah juga membuat kesilapan di dalam metodologi yang digunakan. Wilder juga telah menolak dakwaan Parkinson yang mengatakan Islam adalah punca yang mempengaruhi corak kehidupan orang Melayu hingga tidak mahu mengejar keraguan, walaupun hakikatnya Islam adalah sebahagian dari kehidupan orang Melayu. Dr. Mohd. Fauzi[8] pula menegaskan bahawa Islam juga menggalakkan perkembangan ekonomi dan kemajuan material dikalangan pengikut-pengikutnya.

Pengkaji ini sebaliknya memberikan sebab lain sebagai faktor kepada kemiskinan yang berlaku. Mereka ini menggunakan pendekatan struktural yang mengaitkan kepincangan sistem dan struktur ekonomi, sosial dan politik sebagai sebab kepada kemiskinan. Gans menerangkan:

> "...in reality the prime obstracle to the elimination of poverty lies in economic, political and social structure..."9

---

[7]Wilder W., "Islam, Other Factors and Malay Backwardness: Comments on an argument", Modern Asia Studies, Vol. 2, Pt. 2, April, 1968.

[8]Mohd. Fauzi Hj. Yaacob, "Agama dan Usaha dalam lapangan Ekonomi di kalangan Orang Melayu," Tesis M.A., Universiti Malaya, 1969.

[9]Herbert Gans, Culture on Class in the Study of Poverty: An approach to anti-Poverty research - dalam Monihan, D.P. (ed.), On Understanding Poverty, N. York Basic Books, 1969.

Bagi Gans, halangan struktur ekonomi, politik dan sosiallah yang menyebabkan kemiskinan masih berterusan. Kemiskinan akan kekal selagi halangan ini tidak dihapuskan. Manakala Syed Husin Ali dalam melihat kemiskinan lebih menakankan struktur sosial yang ada dalam sesebuah masyarakat sebagai faktor utama yang mendorong kepada ujudnya kemiskinan. Dengan tanah sebagai kriteria utama beliau menyatakan:

> "...The continuation of feudalism, manifested in landlordism and penetration of capitalism with its attendent market economy, bring forth the various institution and personal...The combination of those system here resulted in landlordness, low income and poverty among the many, and relative wealth among the few..."[10]

Perihkan dan pengumpulan tanah untuk kepentingan individu dengan matlamat ekonomi dan status sosial lewat sistem sosial menuadikan golongan atas semakin kaya. Sementara golongan bawah pula semakin miskin kerana peluang untuk milik tanah tidak ada. Sejarah pembangunan dulu juga menjadi sebab kepada keadaan yang berlaku sekarang di mana:

> "The condition have been very much the result of historical development and also the existence of system structures and organisation that work againts their interest."[11]

---

[10] Syed Husin Ali, Social Stratification in Kampong Bagan. JMBRAS, 1964, hal. 51-67.

[11] Ibid.

Keujudan sistem sosial dan struktur organisasi yang meberi peluang kepada golongan atas mengawal punca pengeluaran telah melahirkan penindasan. Ini cenderung menambahkan lagi kemiskinan.

Mengikut Ungku Aziz, kemiskinan di kampong-kampong disebabkan oleh beberapa perkara katanya:

> "Rural poverty among the malays is determined by the three factors, the first is low productivity, the second is exploitation and third is neglect"[12]

Kalau dilihat secara mendalam, ketiga-tiga faktor yang disebut berkait rapai dengan tanah. Luas tanah yang kecil menyebabkan pengeluaran rendah. Pengeluaran rendah sebabkan pendapatan juga rendah. Pendapatan yang diterima oleh petani sehingga kini masih lagi di bawah garis kemiskinan. Penindasan orang tengah juga salah satu sebab yang menjadikan pendapatan petani rendah. Tegasnya di sini Ungku Aziz memberi tumpuan yang serius tentang aspek ekonomi dan sosial dalam melihat kemiskinan di kampong-kampong.

Faktor yang digariskan oleh Ungku Aziz telah diperlihatkan oleh Fauzi Yaacob dalam kajiannya. Beliau menyatakan beberapa sebab yang menyebabkan pendapatan yang diterima oleh petani selalu rendah dan kecil. Antara sebab itu ialah:

1. Darjah pengeluaran tidak efisyen kerana tanah sempit.

---

[12] Ungku A. Aziz, Facts and Falacies in Malay Economy, dalam Ekonomi, Vol. 3, No: 1, Disember, 1962, m.s. 1-5.

2. Cara guna tanah yang tidak produktif. Di mana nisbah tanah dan pengerjanya tidak seimbang.

3. Modal yang sikit.

4. Pengetahuan teknikal yang tidak berapa.

5. Penindasan orang tengah.[13]

Lima faktor ini saling kait mengait antara satu sama lain. Bila ujud satu faktor maka faktor lain akan turut berlaku. Ini menyebabkan petani sentiasa berada di dalam keadaan miskin.

Dari beberapa andaian dan faktor yang dikemukakan berhubung dengan teori-teori kemiskinan, dapatlah dikatakan ia ujud dari gabungan faktor ekonomi, sosial dan politik. Faktor sikap, nilai dan agama bukanlah faktor utama yang menyebabkan kemiskinan. Sekiranya di lihat pada keadaan kemiskinan hari ini, jelas sekali pendekatan struktural (menekankan aspek sosial ekonomi sebagai punca) lebih dominan dan tepat. Ini bertepatan dengan segala langkah yang diambil untuk atasi kemiskinan di luar bandar. Khususnya lebih tertumpu kepada soal kemudahan sosial dan peningkatan aspek ekonomi dalam kerja dan kehidupan harian.

---

13 Mohd. Fauzi Hj. Yaacob, Agama dan Usaha dalam Lapangan Ekonomi di kalangan Orang Melayu: Tesis M.A., Universiti Malaya, 1969

## 2.1 Pengenalan tentang kemiskinan di Malaysia secara umum

Kemiskinan di Malaysia merupakan realiti yang seterusnya berlaku. Dalam memberikan gambaran tentang kemiskinan di Malaysia secara umum, pengkaji akan merujuk kepada keadaan kemiskinan yang berlaku di negeri Kelantan, khususnya Mukim/Kg. Sakar di Pasir Mas.

Di Malaysia, kemiskinan dialami oleh semua kaum.[14] Namun demikian, adalah satu kenyataan bahawa antara tiga kaum yang ada, kaum Melayu paling teruk dan ramai sekali miskin. Kalau di lihat dari segi kawasan pula kawasan luar bandar mencatat peratus kemiskinan yang tinggi berbanding dengan kawasan bandar.

Kalau di lihat dari segi sektor pula, maka sektor pertanian di luar bandar adalah yang paling teruk. Pekebun kecil getah, padi, nelayan, kelapa dan pekerja 'estate' adalah antara golongan yang termiskin. Peratus kadar kemiskinan yang dialami oleh pekerja sektor ini dapat di lihat dalan jadual 2.

University of Malaya

---

14 Malaysia dikenali sebagai negara berbilang kaum. Tiga kaum yang terbesar ialah Melayu, Cina dan India. Untuk melihat kemiskinan mengikut kaum sila lihat RME (Kajian Separuh Penggal) Jadual 3.5 muka surat 52-53.

Jadual 2

Semenanjung Malaysia: Kadar kemiskinan mengikut sektor 1983.

| | Jumlah isi rumah (000) | Jumlah isi rumah miskin (000) | Kadar kemis-nan (%) | % dikalangan isi rumah miskin. |
|---|---|---|---|---|
| PERTANIAN | | | | |
| Pek.kec.Getah | 405.8 | 247.9 | 61.1 | 34.6 |
| Pek.kec.sawit | 23.0 | 1.5 | 6.5 | 0.2 |
| Pek.kec.kelapa | 31.0 | 10.1 | 32.7 | 1.4 |
| Pen.padi | 138.9 | 75.0 | 54.0 | 10.5 |
| Petani lain | 161.7 | 87.3 | 54.0 | 12.2 |
| Nelayan | 40.5 | 18.1 | 44.7 | 2.5 |
| Pek. ladang | 105.7 | 57.7 | 54.6 | 8.0 |
| Jumlah kecil | 906.6 | 497.6 | 54.9 | 69.4 |

Sumber: RME Jadual 3.2 (m.s 38-39); KSPRM4, Jadual 3,2.

Bagi sektor bukan pertanian, rata-rata kadar kemiskinan di sektor ini tidak melebihi 20% kecuali sektor perlombongan iaitu 41.0% [15]. Lagipun jumlah isi rumah dan isi rumah yang miskin di sektor ini adalah kecil berbanding dengan jumlah isi rumah dan isi rumah yang miskin di sektor pertanian.

[15] Sila semak RME (Kajian Separuh Penggal RME) Jadual 3.2., hal 38-39, kadar kemiskinan mengikut sektor 1983.

Kesemua sektor pertanian ini berada di kawasan luar bandar. Mereka di sektor ini mengalami banyak masalah seperti pendapatan rendah, kurang kemudahan asas serta terhadnya penglibatan dalam politik.

Di Kelantan, keadaan yang sama juga berlaku sektor pertanian terutama sekali pekebun getah, penanam padi dan nelayan adalah antara yang termiskin. Banyak usaha telah dibuat untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan petani-petani ini. Langkah yang diambil lebih tertumpu kepada aspek ekonomi dan sosial petani. Peruntukan pembangunan untuk negeri Kelantan dalam tempoh 1976-1983 (Rancangan Malaysia Ketiga dan Empat) jelas memperlihatkan keadaan ini. Hampir 4,660 juta telah diperuntukkan pada Kelantan dan merupakan satu yang paling tinggi berbanding dengan negeri lain. Bagi RMT sejumlah $1,700 juta telah diberikan, manakala pada RME hampir $3,000 juta diperuntukkan. Dari sejumlah itu sektor ekonomi diberi keutamaan dengan mendapat $3,300 juta dari peruntukan keseluruhan. Dari sini pula bidang pertanian pula telah menerima kira-kira $1,460 juta sementara lain bidang seperti perdagangan dan industri hanya memperolehi $377 juta.[16]

---

16 Badruddin Samad, sejauh manakah berjayanya dasar Ekonomi baru terhadap rakyat Kelantan selaras dengan Peruntukan belanjawan yang besar diberikan kepadanya untuk tujuan tersebut, kertas kerja, konvesyen Pembanguna ekonomi & Sosial rakyat Kelantan, DBP, Kuala Lumpur 3-4 November 1984.

Berdasarkan peruntukan di atas, golongan petani di Kelantan jelas memerlukan banyak bantuan untuk mengatasi masalah kemiskinan. Di kawasan kajian (Kampong Sakar) kira-kira 90% dari penanam padi di situ mendapat pendapatan di bawah garis kemiskinan. Mereka ini terdiri dari orang Melayu yang memiliki luas tanah 1 ekar ataupun kurang.

Ada juga penanam padi di situ mengerjakan tanah orang lain dalam sistem pawah.[17] Terdapat juga orang Cina yang miskin di kawasan ini, namun demikian bilangannya amat kecil jika dibandingkan dengan orang Melayu.[18] Orang Cina tidak banyak menanam padi mereka lebih tumpukan kepada tanaman campuran. Berdasarkan pendapatan yang diterima, pendapatan petani Cina lebih tinggi dan baik berbanding dengan orang Melayu lagipun kerja mereka tidak mengikut musim. Ditambah pula mereka banyak membuat kerja sampingan yang datangkan wang. Mereka juga punya sumber kewangan yang lain selain dari ketua keluarga.[19]

---

[17] Sistem pawah - satu sistem di mana petani mengerjakan tanah tuan tanah di mana hasilnya dibahagi dua.

[18] Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang Cina Kelantan lihat Hanafi Dollah - yang pernah mengkaji komuniti Cina di tebing sungai Kelantan segi budaya dan corak hidup - Tesis untuk M.A.

[19] Hampir semua ketua keluarga Cina yang ditanya, menggalakkan anak lelakinya yang gagal dalam pelajaran bekerja sebagai 'Foremen' atau jaga kedai suapaya dapat bantu keluarga.

Walau bagaimanapun apa yang jelas ialah petani yang miskin baik di Kelantan mahupun seluruh negara mengalami masalah yang sama kepincangan ekonomi, sosial dan kurangnya kemudahan asas menjadi persoalan utama. Sebab itulah langkah ke arah mengatasinya tertumpu kepada pembangunan ekonomi. dengan tujuan untuk menambahkan tingkat pendapatan para petani. Di samping itu pembangunan sosial juga ditekankan seperti menyediakan kemudahan pelajaran kepada anak-anak petani, mengadakan kemudahan kesihatan serta lain-lain lagi yang bersangkutan. Seperti juga lain-lain aspek maka politik juga tidak ketinggalan dalam menolong mengatasi masalah kemiskinan. Ini penting kerana persamaan dalam fahaman politik dapat melicinkan lagi projek-projek pembangunan yang dijalankan. Inilah gambaran secara umum tentang kemiskinan di Malaysia.

2.2 Garis ukur kemiskinan di Malaysia

Secara umum terdapat 3 cara yang sering digunakan dalam pengukuran kemiskinan iaitu cara mutlak, cara relatif dan cara gabungan.

Pengukuran kemiskinan secara mutlak lebih membuat penentuan sama ada seseorang individu atau keluarga itu miskin atau tidak berdasarkan kepada pendapatan. Individu atau keluarga yang tidak mempunyai atau tidak mencapai tahap melebihi garis kemiskinan akan dianggap sebagai miskin. Cara ini sering digunakan oleh ahli ekonomi. Di sini aspek kemudahan sosial yang diperolehi tidak dikira. Pendapatan yang digunakan untuk garis kemiskinan adalah mengikut taraf hidup pada satu-satu masa. Sebab itulah pendapatan yang dijadikan garis kemiskinan sering berubah mengikut keadaan.

Di Malaysia dalam jangka masa 6 tahun garis ukur ini berubah sebanyak 6 kali. Pada 1978, pendapatan sebanyak $250 dijadikan asas ukuran kemudian jumlah ini berubah lagi sehingga kali terakhir ialah pada 1983 di mana pendapatan sebanyak $384 dijadikan asas.[20] Walaupun paras itu sentiasa berubah, namun asas penetapannya tidak pernah dinyatakan. Pengukuran cara mutlak ini sebenarnya tidak lengkap.[21] Ini kerana cara ini menjadikan pendapatan yang cukup untuk keperluan hidup sebagai asas sedangkan pengertian keperluan hidup adalah kabur. Lagi pun sukar untuk mempastikan dengan tepat jenis belanja yang boleh dianggap sebagai belanja untuk keperluan hidup. Di samping itu penentuan setakat mana keperluan asas dapat penuhi kepuasan juga sukar dikira. Sebab tiap-tiap individu mempunyai kepuasan yang berbeda. Lagi pun bila keadaan berubah keperluan asas juga akan berubah. Banyak kritik diterima tentang garis ukur cara ini sebab ianya mungkin dibuat cara sewenang-wenangnya kerana cara menetapkan garis ukur tidak dinyatakan. Ada anggapan yang kata garis ukur ini boleh diturun naikkan semata-mata untuk menutup keadaan yang sebenar.

University of Malaya

---

20 Jomo K.S dan Ishak Shaari, Dasar Ekonomi Baru: Apakah dapat mencapai perpaduan kebangsaan, Sun Traders, 1984.

21 Martin Rein, Problem in the Defination an measurement of Poverty, dalam P. Townsend (ed). The Concept of Poverty, London, Heinemman 1971, m.s. 46

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Seperkara lagi yang timbul ialah di Malaysia, pendapatan yang ditetapkan adalah untuk keseluruhan negara. Sedangkan antara kawasan terdapat perbedaan taraf hidup. Jadi dengan itu pendapatan yang ditetapkan tidak dapat beri gambaran kemiskinan yang sebenar. Contohnya antara kota dan desa. Pendapatan $384 mungkin cukup di desa tetapi di kota mungkin tidak.

Pengukuran cara relatif pula lebih menekankan aspek sosial. Ia mengaitkan ukuran kemiskinan dengan struktur sosial. Selalunya pengukuran kemiskinan secara perbandingan atau relatif dilakukan dengan membandingkan purata pendapatan dan bahagian pendapatan dari jumlah pendapatan negara kasar (national Gross Income) antara berbagai-bagai kumpulan penduduk: (sama ada mengikut purata pendapatan mereka, ethnik, kawasan kediaman bandar atau luarbandar atau lain-lain pembahagian). Golongan yang menerima purata pendapatan yang paling rendah dari segi agihan pendapatan negara, iaitu golongan 40% dari jumlah penduduk yang purata pendapatan mereka paling rendah dalam agihan pendapatan negara melalui ukuran cara ini adalah dianggap sebagai golongan miskin. Memandangkan pengukuran cara ini dapat menunjukkan agihan pendapatan antara kumpulan-kumpulan penduduk dalam satu jangkamasa atau waktu tertentu, maka ia dikatakan lebih tepat dari pengukuran secara mutlak. Pertambahan purata pendapatan sesuatu kumpulan pertambahan kemudahan-kemudahan asasi yang mereka terima tidak bermakna kedudukan mereka lebih baik kerana besar kemungkinan bahagian pendapatan dalan jumlah

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

pendapatan negara kasar tidak berubah atau bertambah dengan kadar yang rendah berbanding dengan kumpulan lain.[22]

Pengukuran kemiskinan secara penggabungan ukuran mutlak dan ukuran perbandingan yang lebih dipraktikkan oleh ahli-ahli sosiologi dicadangkan kerana penentuan sama ada sesebuah isi rumah itu berada di dalamkemiskinan atau tidak dengan semata-mata berdasarkan kepada pendapatan yang diperolehi atau jumlah perbelanjaan minima yang diperlukan untuk mendapatkan keperluan-keperluan asasi tidak dapat menentukan dengan tepat kemiskinan yang dialami oleh sesebuah keluarga. Peluang-peluang ekonomi dan sosial serta kemudahan-kemudahan asas telah diambil kira kerana pendapatan individu atau keluarga berkait rapat dengan sumber ekonomi mereka, kemudahan dan peluang sosial yang diperolehi, sebagaimana yang di tegaskan oleh Peter Townsend:

> "...they are rich or poor according to their share of resources that are available to all. This is true as much as nutritional as moretary as even educational resources."[23]

---

22
Yusof Suratman, kemiskinan di kalangan Orang Melayu Bandar, Jabatan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979.

23
Townsend P., The meaning of Poverty, dalam British Journal of Sociology, Vol. 13, 1962, hal. 225.

Peluang-peluang ini diperolehi dengan bantuan faktor tertentu.[24] Tanpa faktor ini peluang tidak akan dicapai. Bila ini berlaku sudah tentu individu tidak dapat bebas dari kemiskinan. Cara gabungan banyak digunakan oleh pengkaji sosial. Walau bagaimanapun di Malaysia cara mutlak adalah diutamakan kerana sehingga ini ia dikira sebagai cara yang paling mudah dan capai serta senang diseragamkan.

## 2.3 Agihan ciri-ciri dan bentuk kemiskinan

Taburan kemiskinan di Malaysia boleh dibuat berdasarkan kawasan iaitu bandar dan luar bandar. Di bandar kemiskinan tertumpu di kawasan setinggan. Di Wilayah Persekutuan saja bilangan setinggan ialah lebih kurang 215,261 orang mengikut banci DBKL. [25] Daripada jumlah itu 36.1% adalah Melayu, 49.2% Cina, dan 13.1% India. Jumlah ini kira-kira 25% penduduk kota. Mengikut DBKL juga terdapat 200 kampong setinggan dengan luas tanah haram kira 13% dari Wilayah Persekutuan.[26]

---

[24] Sila lihat Townsend P., (ed) The concept of Poverty, Heinemman Paperback, London, 1971, m.s 24-30.

[25] Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Badan Pentadbir bagi Kuala Lumpur. Sebelumnya dikenali sebagai Suruhanjaya Ibukota.

[26] Dasar & Perlaksanaan Rancangan Penempatan Setinggan Wilayah Persekutuan, 1978, Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur.

Di kawasan luar bandar pula taburannya adalah merata. Ini adalah kerana hampir semua petani di kampong adalah miskin, kecuali mereka yang punya punca pengeluaran seperti tanah, modal serta lain-lain kemudahan. Berdasarkan stratifikasi sosial golongan ini berada ditahap atas.[27] Sesungguhnya kemiskinan di luar bandar memang ketara sejak dulu lagi. Secara kasar ialah taburan kemiskinan di Malaysia. Kemiskinan di Malaysia boleh dilihat ciri-cirinya secara ringkas dari segi:

1. Ekonomi:
   - -Pendapatan yang rendah disebabkan beberapa faktor yang berkait.
   - -Pemilikan harta yang terbatas.
   - -Mangsa sistem jual beli yang tidak adil.
   - -Diikat oleh hutang piutang yang tidak pernah selesai.

2. Politik:
   - -Tidak dapat memainkan peranan yang cergas dalam proses politik demi membela hak sendiri.
   - -Penglibatan dalam politik adalah berorientasikan faedah ekonomi. Dalam politik mereka hanya menjadi 'pak turut' saja.
   - -Sering menjadi alat politik bagi mereka yang punya kepentingan tertentu.

---

27 Tentang stratifikasi sosial sila lihat Syed Husin Ali, Social Stratification in Kampong Bagan, JMBRAS, 1964 m.s. 51-57. Lihat juga Riaz Hassan, 1973. Dalam South East Asia Journal of Social Science, Vol. 1, NO: 1 m.s. 17-37.

3. Sosial:

-Kekurangan keperluan asas.
-kurangnya peluang menggunakan kemudahan asas yang sepatutnya.
-Kurang peluang mendapat perlindungan undang-undang.
-Kurang pelajaran moral, kemahiran dan kesedaran sosial.
-Peranan sosial mereka adalah terbatas.[28]

Berdasarkan semua keterangan yang diberikan secara umum dapatlah diketahui serba sedikit tentang bagaimana boleh ujudnya kemiskinan dan realitinya yang sebenar di Malaysia. Ini penting diketahui kerana tindakan dan perlakuan dari sekelompok masyarakat berkait dengan punca kemiskinan. Akhir sekali teori yang dibincangkan tadi juga boleh menerangkan mengapa kemiskinan berlaku.

University of Malaya

---

28 Watan, Selasa 30-3 Mei, m.s. 13, 1985.

BAB 3

## 3. Politik Kelantan Masa Kini Dan Hubungannya dengan Ekonomi serta kemiskinan rakyat

### 3.1 Latarbelakang Sejarah Politik Kelantan secara ringkas

Sejarah politik Kelantan menunjukkan beberapa keunikan berbanding dengan negeri lain. Politik di Kelantan tertumpu kepada 2 perkara iaitu orang Melayu dan Ugama Islam. Pada tahun sebelum 1978, negeri Kelantan telah diperintah oleh parti PAS. Dalam masa ini ulamak memainkan peranan yang besar dalam politik. Pada masa ini juga ugama Islam dijadikan senjata utama dalam perjuangan PAS menentang pengaruh penjajah yang terdapat dalam masyarakat. Apa-apa yang mempunyai unsur penjajah akan ditentang oleh PAS termasuk dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Sebab itulah selama 18 tahun PAS memerintah Kelantan cuma sedikit saja kemajuan ekonomi, sosial dan politik yang dicapai oleh rakyat. Keadaan ini menjadikan rakyat Kelantan sebagai negeri yang termundur di Malaysia.[1] Walau bagaimanapun pemerintahan PAS di Kelantan cuma dapat bertahan sehingga tahun 1978. Selepas itu Kelantan dapat ditawan oleh UMNO (Barisan Nasional) dengan kerjasama Berjasa.[2]

---

[1]Alias Mohamed, Kelantan di bawah PAS, Masalah Tanah dan rasuah. Insular Publishing, Kuala Lumpur 1984.

[2]Berjasa ditubuhkan selepas berlaku perpecahan dalam PAS pada 1978. Berjasa dikatakan sebagai punca kejatuhan PAS di Kelantan.

Bermula dari 1978 keadaan politik di Kelantan telah berubah. Islam bukan dijadikan senjata utama dalam perjuangan politik UMNO. Sebaliknua Islam dijadikan garis panduan dalam segala tindakan. Di sini unsur penjajah tidaklah ditolak terus sebaliknya diubah suai dengan keadaan politik, ekonomi dan sosial masyarakat tempatan. Walaupun begitu bagi PAS keadaan ini tidak dapat diterima kerana ia masih bertentangan dengan kehendak Islam. Mereka mahukan semua perkara dilakukan dengan cara Islam yang sebenar.

Dasar perjuangan yang berlainan telah mengujudkan pertentangan politik antara UMNO dan PAS di Kelantan. Tuduh-menuduh sering berlaku di antara parti ini berkait dengan keadaan rakyat yang miskin pada ketika itu. Dalam pada itu PAS terus menggunakan agama untuk mendapatkan sokongan rakyat. PAS mengatakan dasar UMNO yang membenarkan unsur penjajah berleluasa tidak akan dapat menolong rakyat yang miskin. Sedangkan UMNO mendakwa kemiskinan yang dialami oleh rakyat adalah kerana tindakan PAS yang memperjuangkan Islam yang sempit serta menolak pembangunan ekonomi, sosial dan politik. Sejarah politik Kelantan jelas menunjukkan kuatnya pertelingkahan di kalangan Melayu akibat dari fahaman politik yang berbeda. Pertelingkahan tersebut terus berlanjutan sehingga sekarang.

## 3.2 Politik Kelantan masa kini

UMNO dan PAS merupakan dua buah parti yang terbesar di Kelantan. Penyokong-penyokong mereka terdiri dari orang Melayu. Walau bagaimanapun UMNO mendapat beberapa kelebihan dengan mendapat sokongan dari etnik lain seperti Siam, Cina dan India. Sejarah politik Kelantan telah menunjukkan pertelingkahan sering berlaku antara UMNO dan PAS dalam merebut sokongan rakyat. Sekiranya sebelum 1978, UMNO sering ditekan oleh PAS maka selepas 1978, PAS pula telah menjadi sasaran serangan politik UMNO.

Corak politik Kelantan tidak berbeda dengan apa yang berlaku diperingkat nasional. Politik Malaysia dibina atas dasar perkauman. Kepentingan setiap kaum dijaga oleh ketua kaum masing-masing. Contohnya UMNO menjaga kepentingan orang Melayu, MCA untuk orang Cina sementara MIC untuk India. Kepentingan yang dijaga ini menyebabkan parti-parti ini terus dapat berkuasa. Corak politik begini juga terdapat di Kelantan. Namun demikian ianya berdasarkan kepada kepentingan parti serta pegangan perjuangan.[3]

---

[3]Oleh kerana di Kelantan majoriti penduduk adalah Melayu, maka kepentingan yang dijaga adalah berdasarkan Parti di sini UMNO akan menjaga kepentingan ahlinya dan begitulah sebaliknya.

Di sini ujud satu 'diskriminasi' antara Parti. UMNO hanya menjaga kepentingan ekonomi, sosial dan politik ahli UMNO sahaja dan mengenepikan ahli-ahli PAS. Walaupun pemimpin atasan sering menafikan diskriminasi ini, namun di setengah tempat diskriminasi terhadap penyokong PAS amat ketara. Peluang untuk mendapatkan kemudahan ekonomi telah disempitkan untuk penyokong PAS.

Keadaan ini boleh dikaitkan dengan sejarah Politik dulu. Semasa PAS memerintah Kelantan, PAS terpaksa menjaga kepentingan penyokongnya untuk mempertahankan kedudukannya. Jadi pada waktu itu UMNO dan penyokongnya merasakan mereka ditekan. Apabila UMNO memerintah Kelantan mereka juga terpaksa berbuat demikian untuk kepentingan politik mereka. Di peringkat ini PAS dan penyokongnya merasakan mereka telah diketepikan. Apa yang malang sekali dalam pertelingkahan politik antara 2 parti Melayu ini ialah rakyat mangsa menjadi mangsanya. Perbalahan politik ini telah memberi kesan yang kurang baik kepada perlembagaan politik, ekonomi dan sosial negara. Lazimnya dalam politik dunia ketiga, setiap apa yang dilakukan seperti projek pembangunan misalnya adalah ditentukan oleh kepentingan politik. Sehubungan dengan itu apa yang dilakukan oleh UMNO tidaklah boleh dipersalahkan. Walaupun begitu bagi PAS apa yang dilakukan oleh UMNO tetap tidak betul. Ini kerana ia telah mengenepikan hak penyokong PAS yang miskin sebagai warganegara ini. Di pihak penyokong PAS pula meski pun mereka menampakkan sikap penentangan terhadap UMNO namun sesungguhnya

mereka juga mengharapkan segala kemudahan yang dijalankan oleh kerajaan. Hanya mereka yang tidak pandai menyesuaikan politik dengan keadaan saja yang menunjukkan kedegilan untuk menerima segala kemudahan yang dilakukan oleh kerajaan. Selalunya mereka ini terdiri dari penyokong PAS yang mempunyai kedudukan serta pengaruh di kalangan masyarakat tempatan. Bagi UMNO pula apa yang dilakukan olehnya mempunyai dua kepentingan. Pertama kepentingan politik dan kedua ialah kepentingan rakyat keseluruhannya. Tuduhan yang dilemparkan oleh PAS dianggap sebagai tidak berasas.

Akhirnya dapatlah dikatakan yang keadaan politik di Kelantan diwarnai dengan perbalahan politik antara UMNO (Barisan Nasional) dan PAS atas dasar perbedaan perjuangan. UMNO terus dengan nasionalismanya tanpa menolak ugama sementara PAS dengan Islam 'totalnya' dengan menolak sama sekali nasionalisma. Pertelingkahan ini menimbulkan amalan disteriminasi, kebimbangan politik serta politik kemiskinan di kalangan penduduk.dan pengamal politik di Kelantan khususnya serta negara amnya.

### 3.3 Hubungan Politik dengan Pembangunan ekonomi dan kemiskinan

Selalunya kestabilan politik dikaitkan dengan lancar dan jayanya sesuatu projek pembangunan. Di sini hubungan politik dan pembangunan amat jelas seperti kata Abdullah Sanusi iaitu:

> "...Peranan pentadbiran awam dan birokrasi dalam pembangunan negara adalah sangat penting... ia mempunyai dua tujuan besar iaitu Pertamanya mendapatkan perpaduan negara dan keduanya untuk menjalankan usaha-usaha mencapai tujuan sosio-ekonomi untuk meninggikan taraf hidup dan pendapatan rakyat..."[4]

Politik menerusi proses tertentu akan menujudkan kerajaan dan birokrasi. Keduanya akan bekerjasama menjalankan peranan untuk kesejahteraan rakyat.iaitu melalui projek pembangunan sosial dan ekonomi. Sehingga kini projek pembangunan baik ekonomi dan sosial yang dijalankan masih lagi terikat dengan keputusan politik. Peranan yang dimainkan oleh ahli politik adalah sama penting dengan peranan yang dimainkan oleh agensi tertentu dalam sesuatu projek pembangunan. Ini adalah untuk memastikan kepentingan politik (kerajaan), agensi tertentu serta rakyat seimbang dan terjaga.

Di peringkat negeri setiap projek pembangunan yang hendak dilaksanakan mesti mendapat kelulusan dari badan ekskutif negeri.[5]

---

[4] Abdullah Sanusi Ahmad, kerajaan Pentadbiran dan Rakyat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1970.

[5] Badan Ekskutif negeri terdiri dari ahli politik. Mereka dikenali sebagai Exco kerajaan yang menjalankan tugas berdasarkan potfolio masing-masing.

Badan ini akan melihat beberapa perkara/aspek seperti politik, ekonomi dan sosial sebelum sesuatu projek diluluskan. Sekiranya sesuatu projek dirasakan tidak akan mendatangkan apa-apa faedah bagi kerajaan dan rakyat ianya tidak akan diluluskan untuk perlaksanaan.

Berhubung dengan kemiskinan pula dapat dilihat bagaimana politik mempunyai hubungan dengan keadaan ini. Kemiskinan di Kelantan adalah berpunca dari kurangnya pemilikan tanah di kalangan petani.[6] Luas tanah yang kecil akan menyebabkan produktivi turut kecil dengan ini pendapatan yang diterima juga turut kurang. Inilah yang menyebabkan kemiskinan terus berlaku di kalangan petani di sini. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan telah menjalankan program pembangunan tanah dengan menempatkan mereka yang tidak bertanah di kawasan yang tidak dipilih oleh kerajaan. Dalam program pembangunan tanah inilah dapat dilihat bagaimana kuatnya pengaruh politik. Perkara ini tidak menghairankan kerana di Malaysia tanah sering dijadikan sebagai alat politik seperti hadiah mahupun saguhati kepada penyokong politik pehak tertentu.[7]

---

[6]Sila lihat Syed Husin Ali, kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, karangkraf Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1978 m.s 37-57.

[7]Rokiah Talib, 'Politics of Land Development in Malaysia, Dalam Manusia dan Masyarakat, Jernal Antropologi/Sosiologi Universiti Malaya, Jilid 4, 1983 m.s 1-10.

Rancangan tanah FELDA[8] di Kelantan boleh dijadikan sebagai bukti kuatnya pengaruh politik. Semasa PAS memerintah Kelantan rancangan ini tidak dilaksanakan sepenuhnya (Walaupun direvolusikan oleh UMNO sebagai kerajaan pusat) kerana pertentangan kepentingan politik. Walaupun begitu selepas BN mengambil alih Kelantan rancangan tanah FELDA dipulihkan semula. Pada waktu ini banyak penyokong BN ialah dibawa masuk sebagai peneroka. Amalan ini telah menyebabkan FELDA dianggap sebagai tempat untuk menyokong UMNO. Serentak dengan itu banyak cawangan UMNO ditubuhkan di kawasan FELDA. Pada masa sekarang pemilikan peneroka dibuat bersama antara kerajaan dengan pengurusan FELDA. Ini supaya imej FELDA sebagai kubu UMNO lenyap di samping kerajaan tidak mahu campurtangan dalam pentadbiran FELDA.

Semasa PAS dulupun politik turut terlibat dalam hal tanah. Buktinya ialah rancangan tanah KSLDA (Kelantan State Land Development Authority) telah ditaja oleh PAS. Peneroka di rancangan ini hampir kesemuanya terdiri dari penyokong PAS. Mereka yang tidak menyokong PAS tidak diberi peluang langsung. Pada waktu ini KSLD dianggap sebagai serang PAS. Sebab itulah selepas BN mengambil alih Kelantan, rancangan KSLD dibekukan dan diganti dengan TAKDIR.[9]

---

[8]FELDA-Federal Land Development Authority dilancarkan 1957. Rancangan FELDA pertama di Kelantan dikenali sebagai FELDA Sri Kemahang I.

[9]Penukaran KSLDA ke TAKDIR telah melibatkan penyokong PAS. Ramai antara mereka yang memasuki rancangan TAKDIR. Hasilnya pengaruh PAS terus ujud di situ.

Pembekuan ini dibuat untuk membanding pengaruh PAS di samping alasan yang mengatakan rancangan KSLDA gagal mencapai matlamatnya. Sebenarnya tujuan KSLDA dilancarkan oleh PAS nyata sekali mempunyai matlamat politik. Antara alasan politik yang boleh diberikan ialah:

(i) Kerajaan negeri pada masa ingin menjadikan tanah sebagai saguhati kepada penyokong mereka sebagaimana yang dijanjikan semasa lampau dulu.

(ii) Kerajaan negeri bertujuan menjadikan skim tanah sebagai umpan politik kepada bakal penyokong.

(iii) Kerajaan negeri telah menjadikan skim KSLDA sebagai bukti yang mereka juga mampu mengadakan skim tanah sendiri.[10]

Rancangan TAKDIR tidak kekal lama kerana ia telah dibubarkan pada 1982 ekoran dari kemerosotan undi yang diterima oleh Tengku Razaleigh Hamzah[11] dalam pilihanraya 1982. Kemerosotan undi ini adalah kerana semasa penukaran KSLDA ke TAKDIR ramai penyokong PAS terlibat. Walaupun pentadbiran rancangan tanah berpindah di tangan UMNO namun sokongan mereka tetap untuk PAS. Sesungguhnya demi kepentingan politik juga TAKDIR telah digantikan dengan KESEDAR sehingga kini.

---

[10] Op. Cit., Rokiah Talib, 1983, m.s. 6

[11] Beliau merupakan pengerusi perhubungan UMNO Kelantan ketika itu. Pengerusi yang baru ialah Dato Hj. Mohamed bin Yaakob, Menteri Besar Kelantan.

University of Malaya

Rancangan Pembangunan tanah di Kelantan bermula dari FELDA sehingga KESEDAR jelas memperlihatkan hubungan rapat politik dengan pembangunan ekonomi dan kemiskinan rakyat. Dalam pada itu juga isu kemiskinan rakyat dan persoalan tanah di Kelantan terus dijadikan modal politik. Keadaan ini kekal sehingga ke hari ini di Kelantan.

3.4 Kesan-kesan yang timbul akibat hubungan politik dengan pembangunan dan kemiskinan

Berdasarkan apa yang berlaku di Kelantan (terutama dalam soal tanah dan pembangunan ekonomi) terdapat kesan positif dan negatif yang timbul hasil dari hubungan ini. Meski pun pembangunan tanah seperti FELDA, KSLDA, TAKDIR dan KESEDAR dijalankan dengan bermorifkan politik, sekurang-kurangnya ia telah dapat menolong rakyat miskin yang tidak mempunyai tanah kepada memiliki tanah. Rancangan tanah yang disediakan oleh kerajaan telah memberi beberapa kemudahan kepada peneroka. Mereka yang miskin dulu kini telah dapat menikmati kemudahan seperti api eletrik, air serta rumah yang agak selesa.

Pengaruh dan kepentingan politik juga penting dalam sesuatu projek pembangunan. Bagi kerajaan ia merasa bertanggungjawab ke atas kebajikan rakyat secara keseluruhannya. Ini kerana rakyatlah yang telah memiliknya sebagai wakil mereka. Di samping itu kerajaan (BN/UMNO) juga bertanggungjawab menjaga kepentingan para penyokongnya. Justeru itulah dapat dilihat semasa UMNO memerintah Kelantan sehingga kini penyokongnya mendapat beberapa keutamaan terutama dari segi kemudahan yang disediakan.

Kesan positif lain yang ujud dari hubungan politik dengan pembangunan inilah sesuatu projek yang dilaksanakan itu dapat di jaga keberkesannya. Keberkesanan ini ialah dari segi faedahnya kepada rakyat dan kerajaan. Walaupun diketahui iaitu sebelum sesuatu projek dijalankan oleh sesuatu agensi kajian yang teliti telah dilakukan terlebih dulu. Namun demikian ini mungkin tidak memadai. Oleh itu pandangan dari ahli politik adalah perlu sebagai orang yang paling dekat dengan rakyat. Mereka ini lebih memahami keperluan rakyat di sesuatu kawasan.

Bagi penyokong UMNO, pengaruh politik ini tidaklah mendatangkan apa-apa kesan. Tetapi bagi PAS dan penyokongnya hubungan politik dengan pembangunan memberi kesan yang negatif kepada mereka. Mereka menganggap campurtangan politik dalam hal pembangunan dan kemiskinan sebagai satu keadaan yang tidak sihat. Banyak bukti yang menunjukkan campurtangan politik telah menimbulkan desteriminasi seperti dalam pemberian subsidi baja kepentingan politik menyebabkan lebih banyak orang UMNO mendapat bantuan dan penyokong PAS diketepikan. Kesan selanjutnya akan menyebabkan mereka mempunyai tanggapan dan reaksi yang buruk terhadap kerajaan dan segala usaha pembangunan yang dijalankan.

Kadangkala hubungan politik (dalam bentuk campurtangan) dengan pembangunan memberi kesan yang negatif. Contoh yang jelas ialah campur tangan politik dalam menentukan projek pelabuhan Kuantan suatu masa dulu. Mengikut kajian pihak yang terlibat pelabuhan Kuantan tidak sesuai

dilaksanakan kerana tidak ekonomis tetapi atas dasarkan politik ia telah dilaksanakan. Hasilnya pelabuhan Kuantan menerima kerugian dalam operasinya.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan politik dan pembangunan memang tidak dapat dipisahkan. Di Kelantan hubungan politik dan pembangunan amat ketara sekali. Hubungan ini ujud kerana adanya kepentingan politik yang perlu di jaga seperti untuk mendapatkan sokongan politik dari rakyat misalnya. Untuk tujuan ini maka terpaksalah kepentingan politik itu diselitkan bersama-sama projek pembangunan yang dijalankan untuk rakyat. Untuk kepentingan politik juga maka isu kemiskinan terus dijadikan sebagai modal politik. Keadaan ini akhirnya telah menimbulkan 'Politik Kemiskinan'.

University of Malaya

# BAB 4

## 4 Latarbelakang kawasan kajian dan beberapa program Pembangunan yang ada

### 4.1 Latarbelakang Mukin/Kampong Sakar secara ringkas

Kampong Sakar terletak dalam Mukim Sakar. Terdapat 3 buah kampong lagi yang berada dalam Mukim yang sama. (Lihat Rajah I)

Jadual 3

| Mukim Sakar | Penduduk |
| --- | --- |
| 1. Kampong Sakar | 1,206 |
| 2. Kampong Kubang Pak Amin | 793 |
| 3. Kampong Atas Pinggir | 574 |
| 4. Kampong Hutan Pasir | 448 |
| | 3,021 orang |

Sumber: Profail Mukim Sakar.

Keluasan Kampong Sakar tidak disediakan oleh Penghulu. Walau bagaimanapun keluasan Mukim Sakar dapat dilihat melalui guna tanah yang ada (Lihat Rajah 2)

---

Sumber: Profail Mukim Sakar.

University of Malaya

Jadual 4

| Jenis Tanaman | Lot | Ekar | Depa (keluasan) |
|---|---|---|---|
| Getah | 136 | 127 | 896 |
| Padi | 894 | 529 | 505 |
| Dusun | 879 | 467 | 18 |
| Bangunan | 4 | 2 | 955 |

Terdapat 8308 lot tanah yang meliputi 4680 ekar dan 2707 depa bagi Mukim Sakar. Status tanah di sini ialah tanah warisan bergeran dan tanah beli. Berdasarkan rajah 2 di atas tanah padi adalah yang paling luas. Di sini padi menjadi kegiatan pertanian yang utama dengan hampir 90% penduduk bergantung kepada padi.

Mukim Sakar diketuai oleh 2 orang Penghulu.[1] Penghulu Hassan Che Omar mentadbir kampong Atas Pinggir dan Hutan Pasir manakala Che Mat Ayob mewakili Kampong Kubang Pak Amir dan Kampong Sakar Cina.[2] Mukim Sakar adalah di bawah pentadbiran Pejabat Tanah dan jajahan Pasir Mas. Kedudukannya lebih kurang 3 km dari bandar Pasir Mas.

---

[1] Pemecahan Mukim Sakar kepada 2 orang Penghulu ini mula berkuatkuasa pada bulan Februari 1985.

[2] Kampong Sakar terbahagi kepada 2 iaitu Sakar Cina dan Sakar Sungai. Sakar Cina ditadbir oleh Che Mat Ayob sementara Sakar Sungai oleh Hassan Che Omar kedua-duanya terlibat dalam kajian ini.

University of Malaya

Penduduk Kampong Sakar terdiri dari orang Melayu dan Cina (mendiami kawasan tebing sungai). Mereka ini menjalankan kegiatan ekonomi yang berbeda kira 90% orang Melayu menanam padi sedangkan hampir 70% dari Cina menjalankan tanaman campuran (sayuran dan lain-lain). Dari segi kedudukan ekonomi (Pendapatan) didapati ekonomi orang Cina lebih baik dari orang Melayu. Rajah 3 dapat membuktikan tentang ini.

<u>Rajah 5</u>

Pendapatan purata bulanan berdasarkan Etnik

| Etnik | $0 - 150 | 150 - 300 | 300 - 450 | 450 - 600 lebih | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Melayu | 75% | 20% | 5% | | 100% |
| Cina | 15% | 65% | 20% | | 100% |

* 110 respondan diambil untuk ini. 60 orang Melayu 50 orang Cina. Peratusan dikira secara berasingan.

75% dari respondan Melayu mendapat kira 150/= sebulan. Mereka ini menjalankan kerja sampingan yang tidak mendatangkan hasil 20% lagi memperolehi antara 150-300/= sebulan. Mereka ini mempunyai inisiatif untuk menjalankan kegiatan sampingan yang mendatangkan hasil. Golongan yang 5% didapati bekerja ambil upah seperti Tukang rumah dan Pengayuh beca dan Peraih. Bagi orang Cina kira-kira 65% daripada mereka mendapat 150-300 sebulan 20% lagi memperolehi 300-450/= sebulan dan cuma 15% saja yang mendapat kurang dari 150/=.

University of Malaya

Perbedaan dari segi pendapatan ini dipengaruhi oleh beberapa sebab seperti pemilikan tanah yang sedikit di kalangan orang Melayu berbanding dengan Cina. Jenis tanaman yang dijalankan dan cara kegiatan dijalankan. Orang Cina jalankan tanaman yang boleh memberikan hasil sepanjang masa. Orang Melayu pula bergantung kepada tanaman padi dua kali setahun. Orang Cina lebih suka menanam sejenis tanaman di sesuatu kawasan dan mereka mempunyai matlamat untuk menjual hasil mereka. Sedangkan keadaan ini tidak berlaku di kalangan orang Melayu. Pada keseluruhannya boleh dikatakan orang Melayu di kampong ini banyak yang miskin berbanding dengan orang Cina.

Latarbelakang serta keadaan di kampong Sakar ini telah mempengaruhi corak serta kecenderungan program pembangunan yang dijalankan di sini. Di samping itu perbedaan antara etnik Melayu dan Cina dari segi ekonomi, politik dan sosial telah memperlihatkan sikap, reaksi serta tanggapan yang berbeda khususnya terhadap pembangunan, politik dan kemiskinan.

4.2 Pembangunan di kampong Sakar dan pehak yang bertanggungjawab menggerakkannya

Semenjak Barisan Nasional (BN) mengambil alih pentadbiran Kelantan pada 1978 banyak program pembangunan yang dilaksanakan. Pembangunan ini merangkumi aspek fizikal, sosial, ekonomi dan politik. Secara keseluahannya jajahan Pasir Mas menduduki tempat kedua selepas Kota Bharu dari segi banyaknya program pembangunan yang dijalankan. Program pembangunan fizikal yang memberi kemudahan sosial dan ekonomi kepada rakyat adalah diutamakan.

Contohnya seperti jalanraya, hospital dan bekalan letrik dan air. (sila lihat lampiran yang disediakan).

Pembangunan di jajahan Pasir Mas juga bermakna pembangunan kepada daerah, mukim serta kampong yang ada di dalamnya. Jadi di sini kampong/mukim Sakar juga turut menerima projek pembangunan yang dijalankan itu. Sehingga kini program pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan lebih tertumpu di kampong-kampong. Ini dilakukan kerana keadaan sosio-ekonomi di kawasan kampong masih lagi lemah dan memerlukan bantuan. Program pembangunan dan rancangan memajukan kampong dikenali sebagai projek rakyat.[3] Projek pembangunan dan kemajuan di kampong Sakar meliputi pembangunan ekonomi, sosial dan politik.

4.2.1 Pembangunan dan kemajuan Ekonomi

Pembangunan ekonomi di kampong Sakar lebih tertumpu pada sektor pertanian. Ia bertujuan untuk meninggikan lagi pendapatan penduduk di situ yang kebanyakan penanam padi. Secara tidak langsung ini dapat mengurangkan tekanan hidup (akibat miskin) yang dihadapi.

---

[3]Projek rakyat telah dimulakan sejak Gerakan Pembaharuan dilancarkan pada 6 Ogos 1972 oleh Tun Abdul Razak. Ia dimaksudkan projek untuk rakyat sesuatu kawasan dengan dikendalikan oleh mereka sendiri.

University of Malaya

Untuk meninggikan lagi daya pengeluaran tanaman padi, kerajaan telah memperuntukkan bantuan baja kepada para petani di sini. Jumlah baja yang diperolehi oleh setiap petani adalah berdasarkan luas kawasan padi yang dimiliki dan dikerjakan. Semakin luas tanah padi maka semakin banyak bantuan baja yang diperolehi. Proses pembahagian baja ini terpaksa melalui beberapa peringkat. Selalunya diselenggarakan oleh JKKK (Jawatan kuasa Kemajuan Kampong).

Kerajaan melalui Pertubuhan Peladang juga menyediakan traktor secara sewa mnegikut jam untuk memudahkan petani mengerjakan tanah. Dengan cara ini proses penanam padi dapat dicepatkan dan boleh dibuat secara dua kali setahun. Di samping itu kerajaan juga membekalkan racun serangga untuk mempastikan tanaman padi hidup subur. Kerajaan juga menggalakkan pihak swasta memainkan peranan dalam hal ini. Jadi tidak hairanlah terdapat juga petani yang menggunakan perkhidmatan traktor swasta untuk kerjakan tanah mereka.

Selain daripada bantuan ini, kerajaan juga telah mengarahkan agensinya yang bertanggungjawab supaya memberi penerangan yang jelas tentang cara penanaman yang betul dan masa yang sesuai untuk menanam. Sesungguhnya semua bantuan yang diberikan oleh kerajaan ini telah menolong mempertingkat

---

[4] Jawatankuasa keselamatan dan kemajuan kampong juga dilancarkan pada 1972. Ia ditubuhkan untuk melicinkan lagi projek pembangunan rakyat.

kan hasil keluaran petani. Tidak cukup dengan ini kerajaan telah sanggup memberi padi petani semata-mata untuk menolongppetani. Suatu ketika dulu kerajaan juga telah membekalkan ayam daging, telor dan lembu susu bagi menggalakkan petani melakukan kerja sampingan sementara menantikan hasil padi. Apa yang dilakukan oleh kerajaan ini boleh diketegorikan sebagai program pembangunan. Inilah corak pembangunan ekonomi yang dilakukan di kampong Sakar.

4.2.2 Pembangunan dan kemajuan sosial

Setaka ini beberapa projek telah dikenal pasti sebagai pembangunan sosial di kampong Sakar. Antaranya ialah projek pemulihan rumah, projek kesihatan dan projek KEMAS. Untuk pemulihan rumah kerajaan telah memberikan bantuan kayu kepada mereka yang miskin dengan keadaan rumah yang buruk. Daripada kajian yang dijalankan di kampong Sakar cuma 25 orang saja penduduk di situ berjaya menerima bantuan itu. Salah seorang dari 25 orang itu adalah etnik Cina. Sebelum bantuan kayu ini diberi, banci rumah dilakukan terlebih dahulu kemudian kayu itu akan diserahkan kepada JKKK untuk diberi kepada yang berjaya.

Bagi meningkatkan keselesaan penduduk dari segi kesihatan, kerajaan telah memberikan kemudahan seperti takungan najis kepada penduduk yang tidak mempunyai tandas. Hampir kesemua yang menerimanya terdiri dari orang Melayu.

Selain daripada ini, kerajaan juga telah menubuhkan kelas-kelas KEMAS [5] bagi menggalakkan semua peringkat rakyat melibatkan diri dalam aktiviti sosial. Di kelas KEMAS, kursus jahitan, masakan serta mengenal huruf telah diberikan. Menerusi kelas-kelas inilah hubungan sosial antara penduduk ditingkatkan. Program-program ini dijalankan supaya penduduk kampong Sakar dapat menyesuaikan diri antara satu sama lain tanpa mengira politik dalam menghadapi suasana pembangunan masa kini.

4.2.3 Pembangunan dan kemajuan politik

Berhubung dengan politik cuma sedikit saja yang dapat dilihat di kampong Sakar ini. Namun begitu politik tetap memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan penduduk. Satu perkara yang dapat dilihat di kampong Sakar ini ialah telah ujud kesedaran politik di kalangan penduduk. Buktinya telah ada 3 kelompok penyokong Parti Politik di situ iaitu UMNO, PAS dan MCA. Kesedaran ini telah menjadikan penduduk di situ mampu berfikir secara rasional. Mereka juga mampu menilai segala langkah yang dijalankan oleh kerajaan. Baik buruk sesuatu langkah yang dibuat oleh kerajaan turut dipersoalkan dan diberi pandangan. Selain daripada ini kesedaran politik yang ujud menyebabkan setengah penduduk (terutama sekali penyokong UMNO/kerajaan). lebih bersikap terbuka. Mereka ini dapat membedakan yang mana politik dan

---

[5] KEMAS-Kemajuan Masyarakat. Diadakan untuk menggalakkan orang ramai di kampong bergiat dalam aktiviti sosial. Namun kini KEMAS banyak dipengaruhi oleh politik. Ini juga menyebabkan tujuan asal KEMAS gagal.

yang mana tidak. Justeru itu dapat di lihat mereka inilah yang banyak merebut peluang dari kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Ini kerana mereka tidak menganggap semua yang dilakukan oleh kerajaan itu sebagai bermotifkan politik sahaja. Sebaliknya ia juga untuk kepentingan rakyat secara keseluruhan.

Secara sedar atau tidak kesedaran politik juga telah menguatkan lagi sikap politik kepartian dan amalan mempolitikkan masalah kemiskinan. Secara langsung ini meluaskan lagi 'politik kemsikinan' dikampong Sakar. Dalam pada itu Politik Kemiskinan ini telah mengujudkan kebimbangan politik/politics of fear di kalangan penduduk di sini. Kesannya telah menimbulkan persepsi dan reaksi yang berbagai terhadap keadaan ini serta segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan di kalangan penduduk di sini.

## 4.3 Peranan Jawatankuasa kemajuan di kampong Sakar

JKKK ditubuhkan sempena pelancaran Gerakan Pembaharuan 1972.[6] JKKK memainkan peranan yang penting dalam pembangunan di peringkat kampong. Pentingnya JKKK dapat di lihat dari tujuan penubuhannya iaitu:

---

[6] Untuk keterangan lanjut tentang JKKK lihat Ishak Che Long, 'Tugas dan Peranan JKKK dalam Pembangunan Masyarakat,' kertas kerja kursus JKKK Negeri Perak, Dalam Forum Pembangunan 1980.

University of Malaya

(i) JKKK adalah badan perancangan dan agensi pelaksana projek pembangunan tempatan.

(ii) JKKK adalah 'perantaraan' antara penduduk-penduduk kampong dengan kerajaan dan sebaliknya.[7]

JKKK bertanggungjawab mengambil inisiatif untuk menggerakkan projek pembangunan tempatan. JKKK juga mestilah bijak memilih projek yang sesuai untuk masyarakat. Tegasnya gagal atau berjaya sesuatu projek itu bergantung kepada peranan JKKK dalam mengendalikannya.

Di Mukim Sakar terdapat seramai 12 orang ahli JKKK. Mereka ini mewakili berbagai peringkat masyarakat. Selalunya terdiri dari mereka yang mempunyai pengaruh serta hubungan yang baik dengan penduduk. JKKK diketuai oleh Penghulu Hassan Che Omar. JKKK di kampong Sakar ini mempunyai pengaruh politik yang kuat. Di tambah pula semua yang menganggotai JKKK terdiri dari ahli dan ahli Jawatankuasa UMNO Cawangan di situ. Politik menjadi satu kriteria utama untuk jadi JKKK. Kuatnya pengaruh politik dapat di lihat dari segi perlantikannya yang dibuat oleh Menteri Besar.[8]

---

7 Zaluddin Haji Sulong, 'Peranan dan Tugas-tugas Jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampong, kertas kerja, Seminar Desa/JKKK Peringkat Daerah Hulu Perak 27-29 Dis, 1977, Dalam Forum Pembangunan 1978.

8 - Ibid, 1978.

University of Malaya

Melalui JKKK inilah semua program pembangunan baik ekonomi, sosial dan politik di kampong Sakar ini disalirkan. Sesungguhnya semua projek pembangunan itu adalah untuk seluruh penduduk di situ. Namun demikian di kampong Sakar tidak semua penduduk dapat menikmatinya. Punca sebenar masalah ini ialah kuasa politik yang ada pada JKKK. JKKK di kampong ini lebih banyak memperhitungkan fahaman politik seseorang sebelum meluluskan sesuatu pemberian kepada seseorang. Misalnya dalam pemberian baja, kayu untuk rumah dan lain-lain perkara. Mereka yang tidak sehaluan dengan JKKK selalunya menjadi mangsa. Walau bagaimanapun penyokong PAS merupakan golongan yang banyak sekali menerima akibat hasil dari tindakan JKKK ini. Namun mereka sering dicicirkan dalam satu-satu peruntukkan. Etnik Cina juga kerap menerima nasib yang sama dengan penyokong PAS. Pemberian satu-satu peruntukan menerusi JKKK sering menimbulkan penyelewengan. Sahabat handai, kaum kerabat JKKK lebih mudah mendapat sesuatu peruntukkan. Di waktu inilah 'Politik Kemiskinan' [9] paling menonjol di kampong Sakar. Pilih kasih berdasarkan fahaman politik, saudara mara dan sahabat handai serta etnik jelas sekali diamalkan oleh JKKK.

---

[9] Politik kemiskinan di sini dimaksudkan dengan segala perkara yang berkait dengan kemiskinan telah dipolitikkan. Bahkan dalam soal mengatasi kemiskinan seperti pemberian bantuan baja atau lain-lain turut mengambil kira aspek politik. Malahan di sini kemiskinan juga turut dijadikan isu politik. Maksud ini telah dan akan terus digunakan oleh penulis sepanjang perbincangan tentang politik kemiskinan.

University of Malaya

'Politik kemiskinan' dan keadaan sebegini pada akhirnya telah mengujudkan semacam perasaan bimbang di kalangan penduduk terhadap politik atau dengan kata lain telah ujud 'Politics of Fear' di kalangan mereka. Ini kemudiannya telah melahirkan berbagai reaksi juga persepsi di kalangan masyarakat kampong Sakar terhadap usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan. Persepsi dan reaksi juga timbul terhadap 'politik kemiskinan' itu sendiri.

4.4 Kesan Pelaksanaan Projek Pembangunan ke atas kemiskinan dan penduduk tempatan

Sebagaimana yang telah dikatakan, pelaksanaan pembangunan menerusi JKKK terdapat banyak kelemahan. Kelemahan ini terletak pada penyelewengan yang banyak dilakukan oleh JKKK. Penyelewengan dengan menggunakan kuasa politik adalah paling ketara. Akibat dari ini ia memberi kesan kepada kemiskinan dan penduduk di situ.

Bagi penyokong UMNO/kerajaan, mereka banyak menerima kesan positif terutama sekali dari segi mendapat kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Dari temubual yang dijalankan didapati hampir kebanyakan mereka yang bantuan atau lain-lain kemudahan adalah dari penyokong UMNO. Ini adalah kerana JKKK lebih mementingkan fahaman politik seseorang sebelum meluluskan pemberian bantuan. Hasilnya menjadikan golongan ini sentiasa memberi kerjasama kepada JKKK dalam melaksanakan program pembangunan yang diperuntukkan

oleh kerajaan. Tidak kurang juga kesan dari tindakan JKKK dalam melaksanakan pembangunan di kampong itu menyebabkan segolongan orang (terutama penyokong UMNO) menjadi manja dan sentiasa mengaharapkan lebih banyak bantuan diberikan kepada mereka. Apabila gagal mendapat semua ini mereka akan menjadi 'musuh dalam selimut', dan sentiasa memburuk-burukkan kerajaan. Ini boleh dikategorikan sebagai kesan yang negatif.

Kesan negatif yang lebih ketara dapat di lihat di kalangan orang-orang PAS. Mereka ini menjadi mangsa kepada 'politik kemiskinan' yang diujudkan oleh JKKK. Kekecewaan mereka untuk mendapat kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan telah menyebabkan timbul rasa benci di kalangan mereka terhadap kerajaan. Segala usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan diberi tanggapan yang buruk. Tidak kurang juga kekecewaaan yang dialami oleh penyokong PAS akibat dari tindakan JKKK telah merenggangkan hubungan persahabatan antara penduduk kampong. Hubungan penyokong PAS dengan UMNO menjadi renggang. Ini disebabkan mereka merasa diri mereka telah di anianya oleh penyokong UMNO. Justeru itu telah timbul prasangka di kalangan penduduk di situ.

Adalah tidak tepat untuk mengatakan yang peranan JKKK gagal seratus peratus. Adalah diakui yang projek pembangunan menerusi JKKK juga turut memberi sumbangan yang positif terhadap keadaan ekonomi, sosial dan politik penduduk (walaupun cuma sebahagian saja penduduk yang menikmati faedahnya). Tanpa peranan JKKK kemungkinan projek pembangunan tidak dapat galan dengan lancar ataupun mungkin tidak dapat dilaksanakan langsung.

University of Malaya

Akhir sekali dapatlah dikatakan, walaupun pembangunan banyak dijalankan di kampong Sakar namun ia masih tidak dapat mengatasi masalah kemiskinan. Sebaliknya dengan tindakan JKKK yang menggunakan kuasa politik dalam hal yang berhubung dengan kemiskinan telah menimbulkan beberapa masalah seperti rasa tidak puas hati serta kesan pembangunan yang tidak menyeluruh di kalangan penduduk. Di samping itu 'politik kemiskinan' yang diujudkan oleh JKKK ini juga telah melahirkan 'Politics of fear' di kalangan penduduk. Ini kemudiannya telah mempengaruhi persepsi dan reaksi yang timbul di kalangan penduduk terhadap keadaan yang berlaku serta pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan menerusi JKKK.

University of Malaya

BAB 5

## 5 Kebimbingan Politik/'Politics of Fear' di kalangan penduduk kampong/Mukim Sakar

### 5.1 Konsep kebimbangan politik atau 'Politics of Fear'

Sejak dari dulu lagi politik telah menimbulkan satu rasa kebimbangan di kalangan masyarakat. Pun demikian kebimbangan politik ini tidak dijelmakan seperti yang berlaku dewasa ini terutama di Malaysia. Apa yang jelas ialah politik telah mengujudkan beberapa kumpulan penduduk yang telah menunjukkan 3 tahap kecenderungan dalam berpolitik. Tahap yang pertama ialah mereka yang terlibat cara langsung dan mengambil peranan yang amat aktif dalam politik. Mereka ini dikenali sebagai elit politik. Sementara yang kedua dan ketiga pula mengambil berat tentang politik tapi tidak tidak terlalu aktif dan yang akhir sekali tidak mengambil tahu cara bersungguh tentang isu-isu politik semasa dan hanya menjalankan haknya sebagai pengundi sahaja. Di kalangan 2 kumpulan yang terakhir inilah 'Politics of Fear' banyak sekali berlaku.

Konsep 'Politics of Fear'[1] ini merupakan kesan dari keadaan politik yang ada. Terdapat beberapa perkara yang terkandung dalam konsep ini.

---

[1]Bila penulis menggunakan konsep 'kebimbangan politik ia juga bermaksud 'Politics of Fear'. Ini telah dan akan terus digunakan oleh penulis dalam bab yang terdahulu dan yang selanjutnya.

Penjelasan tentang konsep ini adalah perlu kerana 'Politics of Fear' mengandungi banyak perkara yang saling kaita mengait antara satu sama lain. Politics of Fear merupakan satu keadaan di mana:

1. Individu dalam sesebuah masyarakat merasakan satu kebimbangan bilamana satu perkara yang dikerjakan itu atau perkara yang dihadapkan kepadanya itu adalah berkait dengan kecenderungan politiknya. Apatah lagi kiranya yang dilakukan itu adalah dengan masyarakat umum.

2. Di peringkat ini individu juga merasa ragu-ragu serta bimbang untuk melibatkan diri dalam politik secara terang-terangan dan 'serious'. Ini amat nyata kepada inidividu yang mempunyai yang mempunyai kecederungan politik yang berbeda dengan apa yang dianuti oleh majoriti. Lebih tepat lagi sekiranya dikatakan yang berpehak kepada pembangkang lebih merasai perasaan ini. Perasaan ini semakin kuat kiranya keseluruhan 'sistem' yang ada dalam masyarakat itu dipegang dan dikuasai oleh orang yang mempunyai kecenderungan yang bertentangan dengan individu tersebut.

3. Dalam melahirkan pendapat tentang perkara yang berhubung dengan politik atau perkara yang berkaitan dengannya maka akan terdapat satu kecenderungan untuk melahirkan pendapat secara tidak bebas dan teragak-agak. Pendapat yang dikeluarkan seringkali mengelirukan. Ini diketahui apabila dilakukan 'cross-checking'.

4. Terdapat satu anggapan di kalangan individu yang politik dan perkara yang mempunyai hubungkait dengannnya adalah sebagai satu perkara sensitif dan boleh mengancam kehidupan ekonomi, sosial dan politik.

> Dalam pada itu juga terdapat satu anggapan dewasa ini yang menganggap bahaya untuk dicakapkan secara terbuka tentang politik kerana ia boleh memberi kesan tertentu.

Sekurang-kurangnya inilah yang dapat difahami dengan konsep kebimbangan politik yang berlaku di kalangan penduduk luar bandar. Sesungguhnya konsep kebimbangan politik ini mungkin berbeda dari seorang individu dengan individu yang lain. Dan ianya juga mungkin berbeda mengikut keadaan.

Sebagaimana yang telah dikatakan tadi, bahawa konsep kebimbangan politik akan lebih tepat dan sesuai sekiranya ia diajukan kepada kelompok yang lebih condong pada pehak pembangkang. Begitu juga konsep ini tidak dinafikan dapat dilihat di kalangan penduduk luar bandar yang mempunyai minat politik yang sealiran dengan politik pemerintah. Namun demikian kebimbangan mereka adalah berasaskan perkara yang berbeda dengan kelompok yang pertama tadi.

5.2 <u>Faktur-faktur yang mengujudkan kebimbangan</u>

Untuk menggariskan faktur-faktur yang mempengaruhi kebimbangan politik di kalangan penduduk luar bandar khususnya dan masyarakat amnya, maka haruslah di lihat punca asalnya yang mendorongkan keadaan ini berlaku. Berkait dengan ini, sejarah yang berlaku pada masa lalu memang tidak dapat dinafikan sebagai pembuka jalan kepada keadaan kebimbangan yang berlaku kini. Penjajahan Malaysia (dulunya dikenali sebagai Malay)

oleh Inggeris telah memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat terutama dari segi pemikiran dan sikap. Kesan yang mendalam lebih dirasai oleh penduduk luar bandar yang hidup dalam keadaan miskin.

Sikap yang ditinggalkan oleh penjajah ialah pemikiran dan sikap yang suka bergantung kepada sesuatu pehak yang lebih berkuasa baik dari segi ekonomi dan politik. Dalam hubungan sosial pula terdapat rasa rendah diri di pehak rakyat bila berhubungan dengan mereka yang berasal dari kalangan yang lebih tinggi lagi statusnya. Mereka juga tidak berupaya untuk melahirkan sikap secara terbuka bila berdepan dengan masalah tertentu dan akhirnya mereka ini akan menurut saja apa yang dikata dan dilakukan oleh mereka yang lebih berkuasa.

Gambaran yang seperti ini dalam hubungan politik lebih dikenali sebagai 'patron-clients' system atau apa yang dikatakan oleh John Duncan Powell sebagai 'clientist politics'.[2] Dalam sistem politik begini berlaku hubungan yang terus antara golongan yang memerintah dan mempunyai kuasa dari segi ekonomi serta mempunyai pengaruh yang besar dari segi politik dan sosial dengan mereka yang diperintah. Golongan yang diperintah selalu nya terdiri dari petani yang miskin, buta huruf dan berkemungkinan juga pekerja makan gaji.

---

[2] Powell, J. Duncan., Political Mobilization of the Venezuelan Peasant, Cambridge, Mass., Havard University Press, 1977.

Kesan dari 'Clientist Politics' serta sikap yang telah bergantung kepada sesuatu pihak dari segi ekonomi, sosial dan politik telah membuka jalan untuk mengujudkan 'Politics of Fear' di kalangan masyarakat.

Dari segi politik (dalam konteks Malaysia) satu ciri penting dapat di lihat ialah penguasaan politik terhadap sektor ekonomi keadaan dan keputusan politik akan mempengaruhi keadaan juga keputusan ekonomi.[3] Ini dapat dianggap sebagai sebab utama mengujudkan 'Politics of Fear' di kalangan penduduk desa yang miskin. Ciri-ciri 'Politics of Fear' adalah ketara di kalangan mereka. Kemiskinan yang mereka hadapi ialah membeteskan kemampuan ekonomi dan politik mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka senang ditekan justeru mereka tidak mempunyai masa untuk memikirkan perkara yang tidak penting kepada hidup mereka. Mereka lebih tumpukan kepada soal keperluan harian yang mereka tidak mengalami kesulitan seperti yang dinyatakan oleh Robert Clark iaitu:

> "Yet it seems that human beings spend aconsiderable part of their time worrying about and trying to change the condition of their lives. For some, the principal problem may be tangible or material: enough food to eat proper clothing or shelter, adequate medical care..."[4]

---

[3]Di Britain keadaan adalah berlainan. Di sini situasi ekonomi akan menentukan kedudukan politik.

[4]Robert Clark P., Development and instability; Political Change in the non-nestern world, (Hingdale, 111., Dryden Press 1974.

Sebab itulah didapati masyarakat desa sangat berhati-hati mengeluarkan pendapat berhubung dengan politik kerana dikhuatiri akan menjejaskan penghidupan mereka dari segi ekonomi dan sosial.

Sebagaimana yang telah dikatakan pada awal tadi kemiskinan bukanlah faktor tunggal yang menyebabkan 'Politics of Fear' ini. Ia juga disebabkan sikap pengabungan yang kuat inidividu dari segi ekonomi terhadap kuasa-kuasa tertentu. Apabila ini berlaku sudah tentu individu yang menerima bantuan dan kemudahan ekonomi tadi merasa takut dan bimbang untuk menyuarakan pendapat dan melakukan perkara yang bertentangan dengan kepentingan kuasa yang memberikan kemudahan itu. Contoh yang jelas ialah semasa soalan politik dikemukakan sebilangan besar responden menolak untuk menjawab soalan yang bercorak politik. Ini kerana mereka bimbang apa yang diperkatakan itu akan menyertai pihak tertentu dan seterusnya menjejaskan kehidupan ekonomi mereka. Sesungguhnya di sini jelas sekali menunjukkan ujudnya 'Politics of Fear' di kalangan penduduk di Mukim Sakar.

Keadaan politik di Malaysia pada masa kini juga telah menjadi salah satu faktor yang membelehkan kebimbangan politik ini timbul. Permainan politik di peringkat nasional telah menunjukkan adanya satu sikap berlawanan antara satu parti dengan parti yang lain. Contoh yang jelas ialah antara Barisan Nasional dengan parti pembangkang. Sikap saling jatuh antara satu sama lain ini telah dilakukan menerusi konsep 'zero sum game' mengikut konsep ini pehak yang kalah dalam pertandingan politik akan kalah

juga dalam hal-hal yang lain. Pendek kata pihak yang kalah ini akan cuba dikurangkan beberapa keistimewaan yang diperolehinya sebelum ini oleh pihak yang menang. Pada masa sekarang jelas dapat di lihat yang zero sum game itu dikenakan terhadap parti-parti pembangkang. Kawalan-kawalan ketat yang dikenakan di waktu ceramah dijalankan oleh Pihak pembangkang dan beberapa tekanan lain jelas membuktikan yang konsep ini benar-benar dijalankan.

Perkara penting yang ingin di lihat di sini ialah kesan dari zero sum game ini tidak saja dirasai di peringkat parti-parti politik sahaja malah ianya turut dirasai oleh ahli-ahli yang menganggotai parti tersebut. Kesan tekanan yang dikenakan kepada para pemimpin parti kemungkinannya adalah sikit sekali. Tapi kesan yang menimpa para ahli biasa selalunya besar. Sebagai seorang ahli parti yang mempunyai dasar perjuangan yang berbeda dengan parti yang memerintah, mereka ini merasakan yang peluang mereka sebagai rakyat untuk memajukan diri mereka dari segi ekonomi dan sosial adalah sulit sekali. Walaupun pada tahap pusat, masalah-masalah sebegini mungkin tidak timbul ataupun tidak ketara sangat. Tapi di peringkat yang lebih rendah jajahan, daerah, mukim dan kampong-kampong rasa begini memang ketara. Walaupun kesulitan yang dirasai itu tidak dinyatakan secara terang-terangan namun dari segi perlakuan serta percakapan yang dikeluarkan perkara-perkara sebegini sememangnya dapat diagak. Implikasi dari zero sum game yang berlaku ini telah mendorongkan timbulnya rasa bimbang terhadap politik. Ini adalah kerana sebagaimana

yang telah dikatakan sejak awal lagi politik masa kini boleh memberi kesan kepada kehidupan mereka.

Kerajaan (di sini dirujuk kepada UMNO secara khususnya dan Barisan Nasional amnya) dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai jentera pembangunan ekonomi, sosial dan politik telah menampakkan beberapa tekanan yang dijalankan melalui agensi-agensinya yang mem punyai hubungan yang terus dengan masyarakat kampong.

Agensi seperti FELDA dan RISDA misalnya merupakan salah satu badan yang bertanggungjawab membentuk dan mengubah corak dan cara hidup sebahagian petani yang sememangnya memerlukan pembaharuan dari segi ekonomi. Namun demikian pada akhir-akhir ini disebabkan pentadbiran badan ini seringkali dicampuri oleh 'orang-orang politik' maka telah timbul beberapa masalah di kalangan petani yang terlibat dengan badan ini. Petani ini mendapati yang hak mereka dalam menyuarakan pendapat dalam politik telah ditekan. Ini berlaku kepada petani yang mempunyai kecenderungan menyokong parti lawan kepada UMNO dan BARISAN NASIONAL. Sekiranya kritikan itu dilemparkan juga oleh petani yang merasa tidak puas hati, kemungkinan masa depan mereka dengan sesuatu projek yang dijalankan oleh badan-badan tadi akan menemui masa depan yang gelap. Perkara ini bukanlah sesuatu yang direka-reka. Banyak peristiwa dan lapuran yang mengatakan ugutan serta tekanan telah dikenakan oleh 'orang-orangpolitik' menerusi badan-badan tadi kepada petani. Satu contoh yang

jelas sekali ialah ingatan yang diberikan oleh Menteri Besar Pahang bahawa adalah lebih baik menempatkan petani dan peneroka yang memahami dan menyokong kerajaan di rancangan tanah FELDA daripada yang tidak tahu berterima kasih kepada apa yang telah disediakan oleh kerajaan. Ingatan ini jelas sekali berupa amaran kepada mereka yang menyokong parti pembangkang. Ugutan dan amaran seperti ini sudah tentu menimbul kan kebimbangan politik, walaupun politik itu sebenarnya hak setiap individu. Tekanan melalui agensi tertentu menjadi salah satu dari sebab yang menimbulkan kebimbangan politik.

Sesungguhnya banyak faktor yang dapat dikaitkan dengan 'Politics of Fear' ini. Faktor yang diterangkan tadi dapat dikaitkan dengan politics of fear di peringkat nasional. Namun begitu politik sebagai sebab kepada 'Politics of Fear' dapat juga di lihat di kampong/Mukim.

5.2.1 <u>Kebimbangan politik di kawasan kampong/mukim kajian</u>

Sebagaimana yang telah dikatakan lebih awal, kebimbangan politik lebih kuat dirasakan di peringkat kampong. Perasaan begini sememangnya senang berlaku apatah lagi dari segi politik ekonomi dan sosial, kampong seolah-olah menyediakan kemudahan bagi mengujudkan kebimbangan politik.

University of Malaya

Di kawasan kajian, dari aspek politik terdapat 2 kecenderungan dalam berpolitik. Pertama ialah adanya kelompok yang menyokong Barisan Nasional (UMNO khususnya) sementara yang satu lagi cenderong kepada perjuangan parti pembangkang iaitu PAS bagi orang Melayu. Di samping itu terdapat segelintir Cina yang bersetuju dengan dasar yang dibawa oleh DAP dari MCA. Selalunya bila ada 2 kelompok yang mempunyai kecenderungan dan dasar perjuangan yang berlainan maka timbul pertentangan dari segi kehendak dan keperluan. Namun demikian kelompok yang mempunyai 'advantage' ialah mereka yang menyokong kerajaan. Di pihak ini kebimbangan politik tentulah kecil dan tidak terlalu ketara. Kalau ada pun ianya lebih tertumpu kepada perkara yang remeh serta kecil.

Dari sudut pandang pihak kerajaan, ujudnya 2 kecendrungan dalam politik ini akan memverikan kesan terutama sekali dari segi bilangan undi dan penyokong. Undi dan bilangan penyokong adalah penting dalam politik demi mengekalkan kuasa pemerintahan dan pentadbiran. Jadi, untuk mendapat kan sokongan pihak kerajaan terpaksa menjalankan berbagai cara bagi menarik perhatian kelompok yang menyokong pembangkang. Salah satu dari cara yang digunakan ialah dengan menggunakan tekanan ekonomi kepada mereka ini. Ekonomi dalam kehidupan masyarakat di kampong kajian sering mendapat perhatian yang 'serious'. Dan ditambah pula dengan kehidupan mereka yang

miskin, sudah tentu aspek ekonomi lebih dipentingkan. Bila ini berlaku maka timbullah berbagai-bagai reaksi. Salah satu dari reaksi yang di tunjukkan ialah adanya kebimbangan politik di kalangan mereka. Dalam kajian yang telah dijalankan (dari 110 orang responden yang ditemu bual) hanya beberapa orang saja yang berani berterus terang tentang hal-hal politik. Itupun terdiri dari mereka yang benar-benar 'committed' dengan ideologi politik yang disokong. Di kalangan mereka ini kebimbangan politik tidak timbul sama sekali. Dan mereka juga telah bersedia untuk menghadapi masalah yang bakal dan yang telah timbul, akibat dari sikap terbuka mereka dalam mengecam dan mengkritik kerajaan dan agensinya. Kebimbangan politik lebih ketara menguasai mereka yang tidak benar-benar terlibat dalam politik. Mereka ini lebih mementingkan kedudukan ekonomi dan sosial mereka dari soal politik. Di lihat dari segi etnik, 'Politics of Fear' lebih banyak berlaku di kalangan orang Melayu. 'Politics of Fear' di kalangan orang Cina di kawasan kajian adalah kurang. Semasa kajian dijalankan didapati etnik Cina lebih terbuka dalam mengeluarkan pendapat berhubung dengan politik dan kemiskinan. Mereka berani menyuara kan perkara yang benar terutama sekali golongan muda mereka.

Dari kajian yang dijalankan didapati kurangnya 'Politics of Fear' di kalangan orang Cina disebabkan kedudukan ekonomi, sosial dan politik mereka. Ekonomi orang Cina di kawasan kajian lebih baik berbanding dengan orang Melayu. Ini menjadikan mereka lidah terlalu bergantung kepada bantuan ekonomi dari kerajaan. Walau bagaimanapun mereka akan menerima sekiranya

diberi. Keadaan ini juga menyebabkan mereka tidak merasa apa-apa tekanan dari segi ekonomi sekiranya kerajaan bertindak menarik balik bantuan sepertimana yang dilakukan terhadap penyokong PAS. Orang Cina secara terbuka dan berani telah mengkritik beberapa kelemahan dan paksa yang dirasakan tidak betul ialah dilakukan oleh UMNO dan JKKK. Tanpa bantuan dari kerajaan atau JKKK pun mereka tetap berjaya dalam hidup berbanding dengan petani Melayu yang mendapat bantuan dari kerajaan. Tegasnya 'Politics of Fear' amat kurang di kalangan orang Cina di sini.

Di kalangan orang Melayu, Politics of Fear menguasai perasaan mereka menebal sekali kerana terlalu bergantung kepada bantuan dari kerajaan. Mereka takut untuk mengkritikan secara terbuka. Bagi mereka kritikan yang dibuat akan bermakna kehidupan ekonomi mereka akan terjejas.

Satu lagi sebab di mana kebimbangan politik di kalangan orang Cina adalah kurang ialah disebabkan kedudukan politik mereka. Oleh kerana arus pergolakan politik kini adalah tertumpu antara UMNO dan PAS, maka tekanan dan kebimbangan politik hanya ditujukan kepada penyokong PAS. Disebabkan kebanyakan orang Cina menjadi penyokong MCA (Barisan Nasional) maka tekanan ini tidak terkena pada mereka. Walaupun ada yang tidak menjadi penyokong kerajaan namun kebimbangan politik tidak dirasakan beradasarkan sebab yang telah dijelaskan terlebih dulu.

Ada juga yang mengatakan, mereka tidaklah terlalu memikirkan tentang politik kerana sesiapa saja yang naik menjadi wakil kehidupan mereka tetap seperti biasa. Mereka tidak banyak memikirkan tentang politik sehingga mempengaruhi kehidupan mereka. Lain pula dengan orang Melayu yang terlalu banyak menghabiskan masa bercakap tentang politik sehingga politik itu menganggu kehidupan harian mereka.

Satu lagi sebab yang dikira penting dalam menimbulkan kebimbangan politik ini ialah keujudan dan peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampong (JKKK). Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan yang tugas JKKK merangkumi soal politik, ekonomi dan juga sosial. JKKK juga mempunyai hubungan yang amat rapat dengan kerajaan dari segi politik. Ini adalah kerana perlantikan JKKK mestilah dengan restu dari Y.A.B. Menteri Besar yang mendapat perakuan daripada Pegawai Daerah berkenaan. Perkara inilah yang sering ditakuti oleh penduduk kampong yang miskin.

Dalam menjalankan tugas serta peranan yang telah diserah kepada nya, JKKK kadang-kadang telah melampaui batas-batas yang telah dihadkan. Contoh yang dapat diberikan ialah dalam soal pemberian bantuan baja tanaman dan juga kayu untuk rumah. Penyelewengan berlaku dalam soal memberi bantuan baja dan kayu kepada mereka yang sebenarnya tidak patut menerimanya.

University of Malaya

Namun demikian perkara ini tidak berani dikritik oleh mereka yang sedar dan kurang puas hati kerana takut peluang mereka untuk men dapatkan kemudahan akan hilang. Rasa takut dan bimbang ini ialah kerana JKKK boleh menganakan tekanan dengan cara menyekat pemberian baja atau lain-lain. Banyak cara yang boleh dilakukan untuk ini. Di kampong kajian adalah tidak menghairankan bila didapati ramai penyokong PAS yang tidak mendapatkan kemudahan yang sepatutnya mereka memperolehi. Dan kejadian ini seolah-olah mendapat restu dari pihak kerajaan. Kritik kepada JKKK seolah-olah kritik kepada kerajaan, justeru inilah yang menyebabkan ujudnya kebimbangan politik.

Sebagai mata dan telinga kerajaan, sudah tentu segala apa yang berlaku di kawasan tersebut akan disampaikan kepada pehak atasan iaitu kerajaan. Jadi penduduk di situ merasa bikbang untuk bersuara tentang politik kerana ianya mungkin disalah tafsirkan oleh pihak-pihak tertentu. Seterusnya ini akan tentu menjejaskan kehidupan mereka. Selaku orang yang bertanggungjawab terhadap segala kemudahan yang disediakan seterusnya yang empunya projek maka ia boleh bertindak mengikut apa yang dirasakan perlu. Lalu mereka yang tidak sealiran dengan dasar kerajaan akan menerima kesannya.

Setakat ini, inilah yang dapat diperlihatkan bagi menggambarkan kebimbangan politik yang berlaku di kawasan kajian. Namun begitu faktor sikap dan prinsip hidup juga tidak dinafikan penting dalam menyebabkan kebimbangan politik ini.

5.3 Kesan-kesan kebimbangan politik dalam kehidupan masyarakat

Setiap perkara yang berlaku itu mempunyai kesan dan implikasinya, begitu juga dengan kebimbangan politik yang semakin berleluasa kini. Kalau diteliti secara menyeluruh, kebimbangan politik ini mendatangkan kesan yang besar kepada masyarakat dari segi sikap, penglibatan dalam politik juga reaksi terhadap rancangan tertentu yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan lain-lain badan. Dari segi sikap, kebimbangan politik yang timbul telah menjadikan masyarakat (terutama yang mengalaminya) mempunyai sikap yang tidak tegas. Mereka ini tidak mampu untuk bercakap secara benar kerana khuatir dengan nasib mereka. Walhal perkara yang terpaksa diperkatakan itu adalah tidak betul. Kadang-kadang kelemahan dan penyelewengan yang berlaku itu semacam direstui akibat dari rasa bimbang yang timbul. Masyarakat yang sebegini lebih merupakan masyarakat yang suka 'berdolak-dalik'. Bukti yang dapat ditunjukkan di sini ialah semasa kajian dijalankan di kawasan kajian.

Terdapatnya orang-orang yang cenderung kepada PAS mengaku menyokong UMNO demi keselamatan mereka. Begitu juga dengan orang-orang Umno sendiri yang selama ini kurang puas hati terpaksa juga mengakui kelemahan yang berlaku sebagai perkara yang betul kerana mereka ini mempunyai kepentingan tertentu. Semasa kajian dijalankan terdapat responden yang bertanyakan tujuan kajian dibuat. Mereka bertanya demikian kerana khuatir kajian yang dijalankan akan memberi kesan yang kurang baik pada penghidupan mereka. Dalam setengah keadaan penulis dapat melihat yang responden akan berpihak kepada kerajaan

bila penulis mengatakan yang kajian ini adalah untuk kepentingan kerajaan. Dan apabila penulis mengatakan yang kajian ini adalah untuk kepentingan akademik semata-mata maka mereka akan memperlihatkan sedikit rungutan terhadap kerajaan, tapi bukanlah secara terang-terangan.

'Politics of Fear' juga memberi kesan yang negatif dari segi keaktifan seseorang dalam berpolitik. Contohnya di kampong Sakar terdapat sebilangan penduduk yang enggan mengundi kerana takut dituduh menyebelahi UMNO atau PAS. Mereka bukan tidak sedar tentang hak mereka sebagai pengundi, tetapi disebabkan bimbang dengan tekanan politik yang kian ketara menyebabkan mereka lebih suka bersikap pasif. Bagi mereka lebih baik berbuat demikian daripada turut terlibat dengan politik. Dengan cara ini mereka merasa lebih selamat dan jauh dari tekanan politik.

Kesan kebimbangan politik juga ketara dari segi ekonomi. Di kampong Sakar penduduk di sini lebih suka menumpukan perhatian mereka kepada kegiatan ekonomi. Hal-hal politik jarang diperkatakan kalau adapun cuma perbualan kecil di kedai kopi. Sebab-sebab keadaan ini berlaku dijelaskan oleh seorang responden yang ditemui.[5] Beliau menyatakan:

---

[5]Ghazali bin Ibrahim. Beliau adalah salah seorang dari ahli jawatankuasa pemuda UMNO cawangan kampong Tal 7. (Berhampiran dengan Kampong Sakar)

> "Sekiranya kita banyak bercakap tentang politik pun tidak ada guna juga. Keadaan kita tetap tidak berubah. Tapi sekiranya tersalah cakap tentang politik, kemungkinan kita juga yang akan mendapat susah..."

Implikasi dari ini juga menyebabkan penduduk di sini cuba mendapatkan seberapa banyak faedah dari segala kemudahan dan bantuan yang dilakukan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun kegagalan mereka untuk men dapatkan bantuan dan kemudahan ini tetap menimbulkan rasa tidak puas hati tetapi tidaklah sampai mencetuskan pertelingkahan yang besar.

Di kalangan orang Cina di sini kesan 'Politics of Fear' terhadap ekonomi, sosial dan politik mereka boleh dikatakan tiada langsung. Dari tujuan yang dibuat didapati keadaan ini adalah kerana orang Cina tidak gemar bercakap tentang politik. Setengah daripada mereka berpendapat selama inipun orang Cina memang tidak aktif dalam politik. Bila sampai masa mereka cuma pergi mengundi lagi pun segala projek yang dijalankan oleh kerajaan bukan betul-betul dapat dinikmati oleh mereka. Mereka mengatakan kebanyakan projek ditumpukan kepada orang Melayu khususnya penyokong UMNO. Justeru itulah didapati kesan 'Politics of Fear' tidak kelihatan di kalangan orang Cina. Ditambah pula ekonomi mereka tidak bergantung sangat kepada kerajaan.

Dari aspek hubungan sosial penduduk pula kebimbangan politik telah menimbulkan syak wasangka politik. Hubungan sosial yang terjalin antara individu dengan individu adalah dalam bentuk 'berhati-hati'. Setiap individu dalam mengendalikan perbualan akan memastikan perkara politik tidak disentuh. Dan sekiranya terpaksa diperkatakan juga, maka ianya mestilah tidak sampai menyinggung mana-mana pihak.

Pengalaman ini telah dirasai semasa pengkaji menjalankan temu bual dengan responden. Sebelum, semasa dan selepas temubual pengkaji sentiasa diingatkan oleh responden (terutama responden yang bersikap terbuka) supaya berhati semasa menyoal berkenaan dengan politik. Sekiranya kita gagal berbuat demikian, 2 perkara akan berlaku iaitu - responden tersinggung dan maklumat yang sepatutnya diperolehi tidak akan diperolehi.

Kemungkinan menerima akibat yang sedemikian menjadikan setiap individu dalam kampong itu berhati-hati bila bercakap tentang sesuatu perkara. Sekurang-kurangnnya hubungan yang berhati-hati ini telah dapat mengelakkan pertentangan secara terbuka antara penduduk yang mempunyai pendapat yang berlainan. Walaupun kita sedar yang perkara disebalik penonjolan hubungan sosial yang baik itu sebenarnya penuh dengan perasaan tidak puas hati.

University of Malaya

Akhir sekali dapatlah dikatakan yang Politics of Fear mencerminkan terdapatnya sendi 'Phobia' dalam masyarakat kampong kajian. Keadaan ini telah memberi kesan yang mendalam kehidupan masyarakat di situ. Kesan yang timbul adalah berupa positif dan negatif. Dan ia melibatkan aspek ekonomi, sosial dan politik penduduk. Semua ini akhirnya mempengaruhi persepsi dan reaksi yang timbul di kalangan rakyat terhadap politik kemiskinan dan isu pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan.

University of Malaya

# BAB 6

## 6. Persepsi dan reaksi penduduk terhadap politik kemiskinan serta beberapa isu pembangunan

### 6.1 Sedikit tentang persepsi dan reaksi dalam kontek kajian ini

Persepsi selalu dikaitkan dengan bidang Psikologi. Hal ini disebabkan kerana persepsi banyak berkait dengan pemikiran yang menjadi tunggak ilmu psikologi. Namun demikian pada masa sekarang persepsi bukan saja khusus untuk bidang psikologi malahan dalam bidang lain juga. Bartley berpendapat:

> "Perception happens to be not only a term used ih psychology but also a word with several meanings in common speech."[1]

Pengertian tentang persepsi banyak diberikan oleh tokoh dalam pelbagai bidang. Sungguhpun demikian di sini akan dipetik 2 pengertian yang di berikan oleh Bering, Langfeld dan Weld's serta Norman L. Mun tentang persepsi. Bering, Langfeld dan Weld's mendefinasikan persepsi sebagai:

> "Perception is the first event in the Chain which leads from the Stimulus to action."

---

[1] Bartley S. Howard ., Principles of Perception, Harper Brothers, New York, Michigan State University 1958 hal 1-10.

University of Malaya

mereka juga menambah dengan mengatakan:

> "Perception is the experience of objects and events which are here, now ... and perception is always a respense to some change or difference in the emiroment" 2

Satu perkara yang penting tentang persepsi ini ialah ujudnya 'senzatin' sebagai proses awal yang utama disebalik persepsi itu. Mereka juga mengatakan persepsi sebagai satu proses yang didorong oleh ransangan sebelum membentuk tindakan tertentu. Di samping itu persepsi juga di katakan sebagai tindak balas kepada beberapa perubahan yang berlaku di kawasan persekitaran.

Pendapat yang lebih kurang sama juga telah diberikan oleh Norman L. Mun terhadap persepsi. Beliau menyatakan:

> "Perceving is a prosess comporable with diseriminating, differentiating and obserning its refer to relatively complex receptor and hural processes which under the an anareness of amselves and am world. This amareness is reffered to as perception." 3

---

[2]Lihat Bartley S. Howard - Ibid - hal. 1-10

[3]Norman L. Mun., Psychology: The Fundamentals of human adjustment, 2nd ed., Hongton Niffeon, 1957.

Norman melihat persepsi sebagai kesedaran terhadap sesuatu perkara yang didorongkan oleh proses berfikir. Dari pengertian yang telah diberikan dapat dibuat satu rumusan tentang persepsi iaitu satu proses yang berhubung dengan tanggapan ataupun proses menanggapi sesuatu perkara, keadaan, peristiwa dan juga masalah. Tanggapan ini bermula dengan satu rancangan sehingga membawa kepada bentuk tindakan atau response tertentu. Di sini Norman L. Mun menegaskan iaitu:

> "Perception of objects, situations and relationships is often cerrelated with particular event reactions." [4]

Berhubung dengan reaksi pula, ia berkait rapat dengan persepsi. Apabila individu atau anggota masyarakat menanggapi sesuatu perkara maka ia akan diikuti oleh response atau reaksi tertentu. Selalunya reaksi antara individu dan anggota masyarakat mungkin berbeda antara satu sama lain. Ini pernah ditegaskan oleh Sherif iaitu:

> "Social psychology has studied individual, differences in response to a social environment, but it has never recognised that each one of as percenives this environment in terms of his own persevel habits of perceiving; and that cultural groups may differ from on another in behavior, because of fundamental differences in the mays of perceiving social situations." [5]

---

[4] Ibid 1957.

[5] Sherif Muzafar and Carolyn M. Sherif, Social Psychology., New York, Harper and Ren (1969), Published under title: An outline of Social Psychology (1948 & 1956).

Dalam bentuk kajian ini reaksi yang akan dilihat ialah reaksi penduduk terhadap sesuatu isu atau perkara seperti politik kemiskinan (yang berlaku dalam kehidupan hari ini) dan isu pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan. Di sini juga akan dilihat samada reaksi dan persepsi ini negatif ataupun positif. Di samping itu apakah reaksi dan persepsi ini mempunyai implikasi yang tertentu ataupun tidak.

## 6.2 Persepsi dan reaksi masyarakat Melayu terhadap politik kemiskinan

Suasana politik Kelantan dikatakan berada dalam ketegangan. Pertentangan ialah antara UMNO dan PAS sering berlaku. Pertentangan ini telah melihatkan soal-soal kemiskinan penduduk. Kemiskinan penduduk sehingga kini telah dijadikan isu dalam politik. Tegasnya di sini masalah kemiskinan telah dicampuradukkan dengan politik. Hal ini telah menimbulkan konsep politik kemiskinan. Politik kemiskinan ini amat ketara dalam projek pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Di dalam setengah dasar[6] politik telah ditonjolkan sebagai satu kuasa yang besar. Di samping itu dalam rancangan-rancangan yang berkait dengan kemiskinan politik telah ditonjolkan sebagai satu perkara yang di utamakan. Perkara-perkara ini telah menimbulkan berbagai reaksi dan persepsi di kalangan anggota masyarakat kampong.

---

[6] Dasar pemilikan peneroka Tanah rancangan dan dasar pembahagian baja atau lain bantuan untuk penduduk.

University of Malaya

Di Mukim Sakar terdapat 2 buah parti yang menjadi ikutan penduduk. Parti itu ialah UMNO dan PAS. Oleh kerana antara 2 parti ini mempunyai dasar perjuangan yang berlainan maka tidak hairanlah tanggapan juga reaksi yang ditunjukkan oleh mereka berbeda dan dipengaruhi oleh kecenderungan politik masing-masing.

### 6.2.1 Persepsi dan reaksi penyokong UMNO terhadap politik kemiskinan dan isu-isu pembangunan

Dari sejumlah responden yang ditemubual (60 orang Melayu) kira-kira 65% darinya adalah UMNO manakala 35% lagi penyokong PAS.

| Parti | Peratus penyokong/ahli |
|---|---|
| UMNO | 65% |
| PAS | 35% |
| Jumlah | 100% |

* Dari 60 orang responden Melayu.

Hampir kesemua penyokong UMNO menyedari tentang pengaruh politik yang banyak terdapat dalam projek pembangunan. Mereka juga sedar tentang masalah kemiskinan yang telah dipolitikkan. Jelasnya mereka menyedari ujudnya 'politik kemsikinan'. Berkenaan dengan ini terdapat 2 tanggapan yang berbeda. Pertama tanggapan dari golongan tua/fanatik dalam UMNO dan kedua golongan liberal. Bagi golongan tua, politik kemsikinan yang berlaku pada hari ini adalah biasa. Bagi mereka kerajaan berhak melakukan apa saja

yang dirasakan perlu untuk kebaikannya dan juga rakyat. Oleh kerana itu mereka tidak menyalahkan kerajaan/UMNO sekiranya dalam sesuatu perkara kepentingan politik lebih diutamakan. Golongan ini juga berpendapat iaitu adalah lebih baik bagi kerajaan mengutamakan mereka yang menjadi penyokong setianya dalam apa-apa projek yang dijalankan berbanding kepada mereka yang tidak menyokong kerajaan. Di samping itu mereka berpendapat penyokong UMNO lebih berhak untuk mendapatkan segala kemudahan yang di adakan oleh kerajaan. Tanpa sokongan kuat yang diberikan oleh mereka selama ini sudah tentu pihak kerajaan sekarang ini akan mengalami masalah terutama sekali untuk terus berkuasa di satu-satu kawasan. Justeru itu menganggap 'politik kemiskinan' yang berlaku ini sebagai suatu yang wajar. Alasan mereka ini ialah kerana keadaan ini lebih menyenangkan mereka terutama sekali untuk mendapatkan sesuatu.

Selain dari itu mereka mengatakan yang 'politik kemiskinan' yang ujud kini adalah sebagai satu daripada cara untuk menghukum golongan yang tidak menyokong kerajaan (ditujukan kepada PAS). Ia juga dikatakan sebagai satu cara untuk menyedarkan golongan ini. Ini adalah kerana apa yang dilaku kan oleh mereka selama ini sebenarnya tidak memberikan apa-apa terutama sekali dalam mengubah nasib hidup mereka. Akibat dari tindakan mereka juga menyebabkan mereka sering ketinggalan dalam satu-satu projek ataupun kemudahan yang diberikan untuk menolong penduduk mengatasi kesusahan yang dialami. Bagi golongan ini mereka tidak nampak apa-apa sebab yang perlu untuk membuat tanggapan yang buruk terhadap segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan.

Tanggapan sedemikian rupa dari golongan ini disebabkan kebanyakan dari mereka mempunyai hubungan baik dengan JKKK. JKKK ini telah menolong mereka dalam mendapatkan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan. Ini telah menghalang mereka dari membuat tanggapan yang negatif terhadap JKKK dan usaha-usaha kerajaan serta keadaan politik kemiskinan yang berlaku. Tegasnya disebabkan mereka mempunyai kepentingan tertentu dengan JKKK maka mereka tidak berani memberi komen yang keras terhadap kerajaan. Satu lagi sebab ialah kerana kemiskinan yang dihadapi oleh golongan ini kemiskinan menyebabkan mereka lebih memikirkan kepada matlamat ekonomi disebalik usaha kerajaan ini. Apabila begini sudah tentu tanggapan yang dibuat adalah baik dan positif belaka. 'Politics of Fear' yang ada dalam diri mereka juga menyebabkan mereka tidak berani membuat tanggapan yang negatif.

Bagi golongan yang liberal pula, mereka mempunyai tanggapan yang agak berbeda dengan golongan yang 'fanatik' tadi. Mereka menyedari tentang keadaan yang ujud sekarang iaitu kuatnya pengaruh politik dalam projek-projek kerajaan untuk rakyat. Mereka juga membuat tanggapan yang perkara seperti 'politik kemiskinan' itu adalah suatu perkara yang biasa berlaku. Ini terutamanya bila kepentingan politik diletakkan ditahap yang paling atas, melebihi kepentingan lain. Namun demikian mereka berpendapat adalah tidak wajar dalam soal-soal kemiskinan kepentingan politik terus diutamakan.

Golongan ini berpendapat setiap orang miskin seharusnya mendapat kemudahan yang disediakan oleh kerajaan tanpa mengira aliran politik mereka. Mereka juga beranggapan iaitu sekiranya, demokrasi diamalkan secara betul perkara seperti politik kemiskinan dan pilih kasih dalam sesuatu perkara tidak sepatutnya berlaku. Di samping itu mereka juga kesal dengan setengah tindakan yang dilakukan oleh JKKK terutama dalam membuat pemilihan petani/ orang-orang yang akan diberikan kemudahan seperti baja misalnya. Berkait dengan pemberian baja hampir 95% dari penerimanya adalah penyokong UMNO. 5% adalah mereka yang menyokong PAS. Pemberian itu disebabkan pertolongan seorang dua ahli JKKK. Lagipun penglibatan mereka dengan PAS tidak ketara dan bukannya ahli berdaftar.

Berdasarkan tanggapan mereka (orang UMNO) yang positif terhadap usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan (kecuali tentang politik kemiskinan di mana terdapat perbedaan antara mereka). Maka reaksi yang ditunjukkan oleh mereka juga boleh dikatakan positif. Walaupun banyak projek dijalankan di peringkat kampong namun projek tersebut bukanlah berupa projek yang besar. Apa yang dimaksudkan dengan projek tersebut ialah seperti bantuan baja, racun bantuan perumahan dan lain-lain lagi.

Penyokong UMNO selalu memberi sambutan yang baik terhadap projek yang dijalankan. Bukti yang jelas tidak mereka akan turut serta sekiranya projek yang dijalankan itu adalah secara bergotong royong. Mereka mempunyai alasan yang tersendiri untuk memberi reaksi atau penerimaan terhadap projek kerajaan. Ini adalah kerana segala usaha yang dibuat oleh kerajaan adalah untuk kebaikan rakyat. Jadi tidak ada sebab untuk ditolak projek tersebut.

Lagipun duit untuk menjalankan projek sebenarnya adalah duit rakyat. Walaupun adanya 'politiking' yang kuat namun demikian golongan ini tetap positif dengan apa yang berlaku.

### 6.2.2 Persepsi dan reaksi orang PAS terhadap politik kemiskinan dan isu-isu pembangunan

Dari 60 orang responden yang ditemubual, kira-kira 35% dari mereka adalah penyokong PAS. Jumlah 35% telah ditemubual oleh pengkaji untuk mendapatkan pandangan, tanggapan serta reaksi mereka terhadap politik kemiskinan dan isu pembangunan. Bagi mereka 'politik kemiskinan' yang ujud dewasa ini adalah tidak adil serta tidak mengikut cara Islam. Mereka menganggap pilih kasih serta tekanan yang dikenakan terhadap mereka (terutama untuk mendapatkan kemudahan dari projek yang disediakan oleh kerajaan) adalah satu perkara yang zalim.

Berhubung dengan isu pembangunan pula, mereka ini berpendapat pembangunan yang dibuat oleh kerajaan mempunyai kepentingan politik. Kalau tidak kerana politik kemungkinan projek-projek ini kurang dijalankan. Dalam hal ini didapati orang PAS gagal untuk membedakan antara kepentingan masyarakat dengan kepentingan politik. Mereka sering mencampur adukkan kedua ini sehingga melahirkan tanggapan yang negatif terhadap usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan.

Berhubung dengan reaksi mereka pula, kebanyakan dari mereka tidak bersetuju dengan tindakan setengah golongan yang mempolitikkan isu kemiskinan. Setengah dari mereka merasa marah dengan apa yang berlaku. Kemarahan itu ditujukan kepada JKKK kerana peranan mereka yang berat sebelah. Walau bagaimanapun kemarahan ini tidaklah ditunjukkan secara terbuka. Di kampong Sakar, tindakan JKKK selama ini telah menyebabkan golongan ini menunjukkan reaksi yang negatif. Banyak dari projek pembangunan yang disalurkan melalui JKKK menyebabkan mereka (orang-orang PAS) sering diketepikan. Ini adalah kerana setengah JKKK mempunyai sikap anti PAS. Sebab itulah dalam banyak hal orang PAS lebih suka berdiam diri. Sekiranya mereka menunjukkan minat terhadap usaha kerajaan sekali pun mereka akan tetap menerima nasib yang sama justeru kerana fahaman politik lebih diutamakan. Dalam tinjauan yang dilakukan oleh penulis-penulis dapati ada juga orang PAS yang betul-betul memerlukan bantuan dan kemudahan yang disediakan. Golongan inilah yang selalu menjadi mangsa kepada 'politik kemiskinan'.

Tekanan hidup yang mereka hadapi mengakibatkan mereka kecewa dan memandang sepi terhadap usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan. Kerajaan ini telah memaksa mereka bekerja kuat tanpa pertolongan dari sesiapa. Mereka terpaksa berbuat demikian kerana untuk mengharapkan bantuan kerajaan adalah tidak mungkin selagi JKKK bersikap pilih kasih. Sehubungan dengan ini telah menebalkan lagi sikap negatif dan benci mereka terhadap kerajaan politik kemiskinan dan pembangunan.

6.3. Persepsi dan reaksi orang Cina terhadap politik kemiskinan dan isu pembangunan

Dalam hal ini didapati orang Cina di kampong Sakar mempunyai tanggapan dan reaksi yang berbeda berbanding dengan orang Melayu. Tentang fahaman politik, orang Cina di kampong tersebut boleh dikatakan 100% menyokong M.C.A.[7] Dari 50 responden yang diambil, kesemuanya adalah ahli M.C.A yang berdaftar. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan didapati orang Cina walaupun tidak aktif tetapi lebih 'Committed' dengan parti dan politik. Buktinya mereka menjadi ahli yang berdaftar. Ini berlainan dengan orang Melayu di kampong tersebut yang kuat bercerita tentang politik tetapi hanya sedikit saja yang menjadi ahli politik berdaftar.

Tanggapan mereka terhadap 'politik kemiskinan' ialah perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Mereka berpendapat walaupun 'politik kemiskinan' itu banyak dialami oleh orang-orang PAS, namun sedikit banyak mereka turut menerima kesannya. Pertelagahan politik antara UMNO dengan PAS menyebabkan nasib mereka terabai. Kaum Cina di sini juga mengaitkan kemiskinan yang dialami oleh orang Melayu kerana terlalu banyak berpolitik, sedangkan kerja untuk kebaikan ekonomi mereka tidak berapa dihiraukan. Sikap sebegini mereka kata banyak terdapat pada orang Melayu tak kira PAS atau UMNO.

---

[7] Etnik Cina secara otomatis menjadi ahli M.C.A apabila mereka membayar yuran sebanyak 10/= bagi seumur hidup. (Yuran ini dikenali sebagai bayaran kematian).

Berkait dengan pembangunan yang banyak dijalankan oleh kerajaan sekarang ini, golongan Cina beranggapan kebanyakan pembangunan yang dijalankan ditujukan kepada orang Melayu. Mereka beranggapan diri mereka, telah di anak tirikan. Banyak bukti telah diberikan oleh penduduk Cina di kampong Sakar tentang masalah ini. Contohnya permintaan mereka supaya jalan di kawasan mereka ditarkan telah tidak mendapat layanan. Sedangkan jalan di kawasan Melayu telah ditarkan walaupun ianya tidak ekonomik[8]. Contoh-contoh lain ialah dalam pemberian baja, bantuan perumahan serta lain-lain projek. Bagi mereka semua ini adalah dikhaskan kepada orang Melayu.

Berhubung dengan reaksi mereka pula, sebenarnya kaum Cina di sini tidaklah menolak segala projek yang dijalankan dan yang ingin dijalankan di kawasan mereka. Mereka akan tetap menerima apa saja projek selagi ianya memberi faedah kepada mereka. Cuma apa yang setengah mereka kesalkan ialah terlalu kurangnya projek yang diuntukkan kepada mereka. Justeru itulah orang Cina lebih banyak menunjukkan sikap 'kalau diberi ambil, kalau tidak mereka tidak akan minta. Bagi mereka lebih baik bekerja dengan keupayaan sendiri dari meminta simpati dan pertolongan orang lain. Berdasarkan inilah didapati orang Cina terus mengerjakan tanah mereka dengan perbelanjaan sendiri. Tanggapan dan reaksi mereka menjadikan mereka sebagai golongan yang

---

[8] Pengkaji juga melihat sendiri jalan yang dimaksudkan pada pendapat pengkaji jalan tersebut memang sibuk dan banyak digunakan oleh lori-lori. Ia sepatut nya ditarkan kerana jalan ini juga menghubungkan kampong Sakar dengan pekan Tendung dan Bandar Pasir Mas.

University of Malaya

mempunyai inisiatif yang tinggi terutama dari segi kerja untuk membaiki ekonomi mereka. Walau bagaimanapun sikap dan reaksi mereka ini juga adalah kerana golongan Cina di sini mempunyai kedudukan yang lebih baik berbanding dengan orang Melayu. Boleh dikatakan orang Cina di kampong ini sebagai golongan yang pandai merebut peluang. Mereka ini tidak hiraukan sangat tentang politik. Apa yang penting bagi mereka ialah ekonomi. Bagi mereka apabila ekonomi kukuh, segala yang dikehendaki boleh tercapai. Sebab itu semua projek akan diterima baik oleh mereka asalkan ianya mendatangkan faedah.

Sebenarnya golongan muda kaum Cina mempunyai tanggapan yang negatif terhadap dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran.[9] Mereka mengatakan menerusi dasar ini kebajikan mereka sebagai rakyat turut terjejas. Dengan demikian tidak hairanlah mereka juga mem punyai tanggapan yang serupa terhadap projek pembangunan kerajaan. Mereka menunjukkan reaksi tidak puashati terhadap keadaan ini.

---

[9]Dasar ekonomi baru dan Dasar pelajaran kebangsaan dianggap oleh sebilangan besar orang Cina hanya menguntungkan orang Melayu sahaja. Peluang melanjutkan pelajaran bagi orang Melayu terbuka luas sedangkan untuk mereka tidak.

6.4 Kesan perbedaan persepsi dan reaksi yang berlalu di kalangan penduduk

Secara ringkasnya perbedaan persepsi dan reaksi di kalangan penduduk telah memberi kesan yang tertentu. Bagi orang Melayu UMNO reaksi positif dari mereka akan menyebabkan mereka sentiasa memberi kerjasama yang rapat kepada pihak yang terlibat dalam melaksanakan projek untuk rakyat. Di samping itu persepsi dan reaksi mereka terhadap 'politik kemiskinan' akan menjamin mereka mendapat faedah dari projek pembangunan yang dijalankan. Reaksi yang positif ini juga akan melancarkan lagi perjalanan projek yang dilaksanakan..

Bagi orang-orang PAS pula tanggapan dan reaksi yang ditunjukkan oleh mereka akan menjadikan mereka sentiasa ketinggalan dalam mencapai kemajuan. Selagi mereka tidak mengubah pandangan mereka selagi itulah mereka akan berada dalam kesusahan. Sesungguhnya politik kemiskinan telah memberikan kesan yang buruk kepada penyokong PAS terutamanya segi ekonomi. Dari segi hubungan sosial pula, ianya akan mengujudkan sikap permusuhan dan hubungan yang rangsang di kalangan penduduk kampong. Ini disebabkan mereka menganggap orang yang menyokong UMNO sama dengan JKKK serta kerajaan yang telah menindas serta menekan mereka. Bagi setengah penyokong PAS yang lain politik kemiskinan telah mengujudkan kebimbangan politik.

Sementara bagi kaum Cina pula kesan yang paling ketara akibat tanggapan dan reaksi mereka itu (terhadap politik kemiskinan dan isu pembangunan) ialah ia akan menguatkan lagi semangat mereka untuk berdikari dalam semua hal tanpa mengharapkan sangat bantuan dari kerajaan. Seterusnya menjadikan mereka lebih yakin dengan keupayaan ekonomi mereka sendiri.

Kajian ini sebenarnya bercorak tujuan umum. Banyak perkara yang telah dibincangkan secara umum dan ringkas. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang diberi tumpuan sedikit sebanyak iaitu:

(i) Politik kemiskinan
(ii) 'Political Fear atau Politics of Fear'
(iii) Persepsi dan reaksi penduduk terhadap politik kemiskinan dan isu-isu pembangunan.

Walaupun 3 perkara ini diberi tumpuan, ianya tidaklah begitu mendalam. Ini disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya ialah:

1. Maklumat yang diperolehi tidak begitu banyak.
2. Tinjauan yang dibuat terpaksa mengambil kira kepentingan politik dan etnik yang terlibat.
3. Persepsi dan reaksi bukanlah satu perkara yang dapat dikaji dalam masa yang singkat. Apa lagi antara individu mempunyai tanggapan dan reaksi yang berlainan.
4. Perkara yang diberi tumpuan itu adalah isu yang sensitif di kalangan masyarakat di kawasan kajian. Justeru itu pendapat yang benar-benar jujur agak sukar untuk diperolehi.

University of Malaya

BAB 7

## 7 Kesimpulan

### 7.1 Pengenalan

Kajian ini sebenarnya bercorak tujuan umum. Banyak perkara yang telah dibincangkan secara umum dan ringkas. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang diberi tumpuan sedikit sebanyak iaitu:

(i) Politik kemiskinan
(ii) 'Political Fear atau Politics of Fear'
(iii) Persepsi dan reaksi penduduk terhadap politik kemiskinan dan isu-isu pembangunan.

Walaupun 3 perkara ini diberi tumpuan, ianya tidaklah begitu mendalam. Ini disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya ialah:

1. Maklumat yang diperolehi tidak begitu banyak.
2. Tinjauan yang dibuat terpaksa mengambil kira kepentingan politik dan etnik yang terlibat.
3. Persepsi dan reaksi bukanlah satu perkara yang dapat dikaji dalam masa yang singkat. Apa lagi antara individu mempunyai tanggapan dan reaksi yang berlainan.
4. Perkara yang diberi tumpuan itu adalah isu yang sensitif di kalangan masyarakat di kawasan kajian. Justeru itu pendapat yang benar-benar jujur agak sukar untuk diperolehi.

University of Malaya

## 7.2 Kesimpulan

Meskipun kajian ini bercorak tinjauan umum, namun hasil dari tinjauan yang dilakukan dapatlah dibuat beberapa kesimpulan. Pertama sekali tentang kemiskinan. Kemiskinan yang dialami oleh penduduk di kawasan kajian adalah sama dengan kemiskinan yang dialami oleh mereka yang miskin diseluruh negara. Kemiskinan yang dialami telah menjadikan mereka kurang berminat untuk melibatkan diri secara aktif dalam politik. Penglibatan mereka dalam politik hanyalah sekadar sebagai penyokong tetapi bukanlah seorang ahli yang aktif.[1] Ini memang benar bila dilihat ciri kemiskinan di Malaysia. Salah satu cirinya ialah hilangnya hak untuk mereka menyuarakan pendapat politik mereka secara terus terang.[2] Kemiskinan juga telah menyebabkan penduduk yang miskin menjadi satu golongan yang mudah menerima tekanan. Kepincangan mereka dari segi ekonomi menyebabkan mereka senang ditindas dan dieksplotasikan. Tekanan dari segi politik dan ekonomi juga tidak kurang menjadikan golongan ini sebagai 'opportunist' yang akan membuat apa saja asalkan kepentingan ekonomi mereka yang sudah sedia pincang tidak terjejas.

---

[1] Huntington S.P dalam bukunya 'No easy Choice' banyak menerangkan tentang penglibatan dalam politik. Beliau juga memberi gambaran jelas tentang apakah ciri-ciri ahli yang aktif dan tidak aktif.

[2] Watan Selasa 30-3 Mei 1985 hal. 13.

Kesimpulan kedua yang boleh dibuat ialah tentang kuatnya pengaruh politik dalam segenap segi pada akhir-akhir ini. Pada masa sekarang politik di Kelantan boleh dianggap tegang. Ketegangan ini adalah kerana berlakunya pertentangan antara UMNO dengan PAS dalam usaha merebut sokongan pengundi. Matlamatnya adalah untuk mengekalkan kuasa. Salah satu dari cara untuk menarik penyokong ialah dengan menggunakan politik. Politik ini digunakan bersama isu kemiskinan yang mudah menarik minat mereka yang miskin. Tegasnya masalah kemiskinan telah dipolitikkan. Sehubungan dengan inilah maka timbulnya konsep 'politik kemiskinan'.

Dalam tinjauan yang dijalankan, jelas kelihatan pengaruh politik memang banyak terlibat dalam masalah kemiskinan. Contoh yang jelas ialah dalam pemberian baja misalnya. Kebanyakan yang memperolehi baja adalah merupakan mereka yang menjadi ahli UMNO. Sedangkan mereka yang tidak menyokong UMNO akan diketepikan.

Dalam setengah keadaan, kuasa dan pengaruh politik dijadikan sebagai kuasa penentu untuk menggagakkan atau menjayakan seseorang itu dalam permohonan untuk mendapatkan kemudahan tertentu. Dalam tinjauan yang dijalankan juga didapati yang 'politik kemiskinan' memang berlaluasa terutama sekali di peringkat kampong. Bagi orang kampong yang miskin, kuatnya pengaruh politik serta tekanan hidup yang dihadapi telah mengujud kan satu sikap/perasaan dalam diri mereka. Sikap ini ialah sikap atau

perasaan takut dan bimbang bila bercakap tentang perkara yang berhubung dengan politik. Boleh dikatakan di kalangan masyarakat kampong telah ujud apa yang disebut sebagai 'Politics of Fear' atau 'Political Fear'. Rasa bimbang ini memang ketara justeru kerana pengaruh politik dianggap oleh orang kampong satu kuasa yang boleh mengancam kehidupan ekonomi dan sosial mereka. Bukti jelas tentang adanya rasa bimbang ini ialah semasa soal selidik dijalankan. Kebanyakan responden teragak-agak bila cuba menjawab soalan yang berkait dengan politik.

Satu lagi kesimpulan yang boleh dibuat hasil dan kajian tinjauan ini ialah tentang tanggapan, reaksi dan sikap yang ada di kalangan masyarakat yang dikaji. Sesungguhnya kemiskinan, pengaruh politik dan 'Political Fear' telah mempengaruhi sikap dan pendirian hidup penduduk di situ. Hampir semua penduduk yang ditemubual serta responden yang diambil sebagai sontoh didapati tidak berciri membuat komen mahupun kritik secara terbuka tentang politik. Mereka juga didapati tidak berani membuat komen terhadap kepincangan perjalanan pentadbiran kampong (Ini dimaksudkan dengan JKKK). Sebab yang paling penting ialah kuatnya pengaruh politik dalam pentadbiran JKKK. Banyak kes yang dapat menunjukkan betapa kuatnya kuasa/ pengaruh politik JKKK. Satu kes yang diberitahu oleh responden kepada pengkaji ialah kegagalan seorang dari penyokong UMNO untuk mendapat bantuan baja. Bila diselidik didapati yang penyokong UMNO ini mempunyai sikap yang terbuka dan sangat suka mengkritik atau memberi pendapat secara terbuka tentang kepincangan dan salah guna kuasa oleh JKKK.

Walaupun pangaruh politik, 'Politics of Fear' dan politik kemiskinan telah menyebabkan hilangnya sikap terbuka penduduk di kampong tersebut, namun ianya tidak dapat menahan anggota masyarakat di situ dari membuat tanggapan tertentu tentang perkara yang berlaku. Perkara-perkara yang sebut di atas juga tidak dapat menahan penduduk daripada menunjukkan reaksi tertentu terhadap perkara yang dialami oleh mereka. Apa yang berlaku selama ini telah melahirkan berbagai tanggapan dan reaksi di kalangan rakyat baik terhadap pengaruh politik, politik kemiskinan mahupun kepada isu-isu pembangunan. Di kalangan penyokong dan ahli PAS, perkara tadi lebih banyak mendatangkan kesan buruk. Secara langsung ianya telah melahirkan tanggapan dan reaksi yang buruk terhadap segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan.

Akibat dari pengaruh politik dan lain-lain perkara maka kepentingan ekonomi, sosial dan politik penyokong PAS telah terjejas jadi tidak ada sebab untuk mereka menganggap perkara-perkara tersebut sebagai baik. Bagi penyokong UMNO keadaan ini mungkin berbeda dan tidak berlaku. Ini disebabkan pengaruh politik dan politik kemiskinan lebih banyak memberi faedah kepada mereka.

Pada akhirnya dapat dikatakan yang pengaruh politik, politik kemiskinan dan Politics of fear memberi kesan yang mendalam dalam kehidupan masyarakat yang dikaji khususnya dan masyarakat umum amnya.

University of Malaya

Lampiran

# MALAYSIA: KADAR KEMISKINAN MENGIKUT NEGERI DAN BANDAR-LUAR BANDAR, 1976

| *Negeri* | *Jumlah* | | | | *Luar Bandar* | | | | *Bandar* | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Jumlah isirumah (000)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Kadar kemiskinan (%)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah (000)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Kadar kemiskinan (%)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah (000)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Kadar kemiskinan (%)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* |
| Johor .. .. .. .. .. .. | 270.3 | 73.9 | *27.3* | *8.4* | 196.5 | 64.9 | *33.0* | *8.3* | 73.8 | 9.0 | *12.2* | *9.5* |
| Kedah .. .. .. .. .. .. | 219.0 | 120.6 | *55.1* | *13.7* | 193.0 | 114.3 | *59.3* | *14.6* | 26.0 | 6.3 | *24.2* | *6.7* |
| Kelantan .. .. .. .. .. | 169.7 | 100.4 | *59.2* | *11.4* | 144.2 | 91.4 | *63.4* | *11.6* | 25.5 | 9.0 | *35.3* | *9.5* |
| Melaka .. .. .. .. .. .. | 86.2 | 25.1 | *29.1* | *2.9* | 66.4 | 22.6 | *34.0* | *2.9* | 19.8 | 2.5 | *12.6* | *2.7* |
| Negri Sembilan .. .. .. .. | 106.8 | 28.5 | *26.7* | *3.2* | 86.6 | 26.5 | *30.6* | *3.4* | 20.2 | 2.0 | *9.9* | *2.1* |
| Pahang .. .. .. .. .. .. | 118.5 | 37.9 | *32.0* | *4.3* | 97.1 | 35.1 | *36.1* | *4.5* | 21.4 | 2.8 | *13.1* | *3.0* |
| Perak .. .. .. .. .. .. | 344.2 | 133.1 | *38.7* | *15.1* | 239.1 | 116.6 | *48.8* | *14.8* | 105.1 | 16.5 | *15.7* | *17.5* |
| Perlis .. .. .. .. .. .. | 30.0 | 14.6 | *48.7* | *1.7* | 30.0 | 14.6 | *48.7* | *1.9* | — | — | — | — |
| Pulau Pinang .. .. .. .. .. | 157.1 | 46.3 | *29.5* | *5.3* | 83.6 | 34.1 | *40.8* | *4.3* | 73.5 | 12.2 | *16.6* | *12.9* |
| Selangor .. .. .. .. .. | 215.2 | 46.1 | *21.4* | *5.2* | 156.1 | 40.6 | *26.0* | *5.2* | 59.1 | 5.5 | *9.3* | *5.8* |
| Trengganu .. .. .. .. .. | 101.8 | 52.3 | *51.4* | *6.0* | 75.4 | 42.3 | *56.1* | *5.4* | 26.4 | 10.0 | *37.9* | *10.6* |
| Wilayah Persekutuan .. .. .. | 142.1 | 9.5 | *6.7* | *1.1* | 49.5 | 3.2 | *6.5* | *0.4* | 92.6 | 6.3 | *6.8* | *6.7* |
| Semenanjung Malaysia .. .. .. | 1,960.9 | 688.3 | *35.1* | *78.3* | 1,417.5 | 606.2 | *42.8* | *77.3* | 543.4 | 82.1 | *15.1* | *87.0* |
| Sabah .. .. .. .. .. .. | 163.7 | 83.9 | *51.2* | *9.5* | 133.0 | 78.0 | *58.6* | *9.9* | 30.7 | 5.9 | *19.2* | *6.2* |
| Sarawak .. .. .. .. .. | 207.1 | 107.1 | *51.7* | *12.2* | 167.8 | 100.7 | *60.0* | *12.8* | 39.3 | 6.4 | *16.3* | *6.8* |
| JUMLAH .. | 2,331.7 | 879.3 | *37.7* | *100.0* | 1,718.3 | 784.9 | *45.7* | *100.0* | 613.4 | 94.4 | *15.4* | *100.0* |
| Peratus daripada jumlah .. .. .. | — | *100.0* | — | — | — | *89.7* | — | — | — | *10.3* | — | — |

University of Malaya

# SEMENANJUNG MALAYSIA: PERATUS DI KALANGAN ISIRUMAH MISKIN MENGIKUT NEGERI, BANDAR-LUAR BANDAR DAN KETURUNAN KAUM, 1976



| *Negeri* | *JUMLAH* | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Melayu* | | *China* | | *India* | | *Lain-lain* | | *Jumlah* | |
| | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* |
| Johor .. .. .. .. .. | 53.7 | *10.4* | 17.1 | *15.7* | 3.0 | *5.6* | 0.1 | *0.9* | 73.9 | *10.7* |
| Kedah .. .. .. .. .. | 98.6 | *19.0* | 11.5 | *10.5* | 7.6 | *14.2* | 2.9 | *50.8* | 120.6 | *17.5* |
| Kelantan .. .. .. .. .. | 96.3 | *18.5* | 1.9 | *1.8* | 0.4 | *0.7* | 1.8 | *31.5* | 100.4 | *14.6* |
| Melaka .. .. .. .. .. | 18.0 | *3.5* | 5.4 | *4.9* | 1.7 | *3.1* | * | *0.9* | 25.1 | *3.7* |
| Negri Sembilan .. .. .. .. | 19.4 | *3.7* | 5.3 | *4.8* | 3.8 | *7.0* | * | *0.7* | 28.5 | *4.2* |
| Pahang .. .. .. .. .. | 32.2 | *6.2* | 4.5 | *4.2* | 1.1 | *2.0* | 0.1 | *1.0* | 37.9 | *5.5* |
| Perak .. .. .. .. .. | 84.3 | *16.2* | 31.7 | *29.0* | 17.1 | *31.8* | * | *0.5* | 133.1 | *19.3* |
| Perlis .. .. .. .. .. | 12.9 | *2.5* | 1.1 | *1.0* | 0.1 | *0.2* | 0.5 | *7.9* | 14.6 | *2.1* |
| Pulau Pinang .. .. .. .. | 24.1 | *4.6* | 16.7 | *15.3* | 5.4 | *10.0* | 0.1 | *1.5* | 46.3 | *6.7* |
| Selangor .. .. .. .. .. | 25.1 | *4.8* | 10.6 | *9.6* | 10.3 | *19.2* | 0.1 | *2.5* | 46.1 | *6.7* |
| Trengganu .. .. .. .. | 51.4 | *9.9* | 0.7 | *0.6* | 0.1 | *0.3* | 0.1 | *0.9* | 52.3 | *7.6* |
| Wilayah Persekutuan .. .. .. | 3.4 | *0.7* | 2.9 | *2.6* | 3.2 | *5.9* | * | *0.9* | 9.5 | *1.4* |
| Jumlah .. | 519.4 | *100.0* | 109.4 | *100.0* | 53.8 | *100.0* | 5.7 | *100.0* | 688.3 | *100.0* |
| Peratus daripada jumlah .. .. | *75.5* | — | *15.9* | — | *7.8* | — | *0.8* | — | *100.0* | — |
| Kadar kemiskinan (%) .. .. .. | *46.4* | — | *17.4* | — | *27.3* | — | *33.8* | — | *35.1* | — |

* Anggaran terlalu kecil.

University of Malaya

## SEMENANJUNG MALAYSIA: PERATUS DI KALANGAN ISIRUMAH MISKIN MENGIKUT NEGERI, BANDAR-LUAR BANDAR DAN KETURUNAN KAUM, 1976—(*samb.*)

*LUAR BANDAR*

| *Negeri* | *Melayu* | | *China* | | *India* | | *Lain-lain* | | *Jumlah* | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* | *Jumlah isirumah miskin (000)* | *Peratus di kalangan isirumah miskin (%)* |
| Johor | 49.3 | *10.2* | 13.3 | *17.2* | 2.3 | *5.7* | * | *0.3* | 64.9 | *10.7* |
| Kedah | 96.3 | *19.9* | 8.7 | *11.2* | 6.5 | *15.9* | 2.9 | *53.9* | 114.4 | *18.9* |
| Kelantan | 88.1 | *18.2* | 1.4 | *1.8* | 0.3 | *0.7* | 1.7 | *31.7* | 91.5 | *15.1* |
| Melaka | 17.4 | *3.6* | 3.8 | *5.0* | 1.4 | *3.4* | * | *0.2* | 22.6 | *3.7* |
| Negri Sembilan | 18.7 | *3.9* | 4.5 | *5.8* | 3.3 | *8.1* | * | *0.7* | 26.5 | *4.4* |
| Pahang | 30.7 | *6.3* | 3.4 | *4.4* | 1.0 | *2.5* | * | *0.3* | 35.1 | *5.8* |
| Perak | 80.9 | *16.7* | 22.5 | *29.2* | 13.1 | *32.4* | * | *0.5* | 116.5 | *19.2* |
| Perlis | 12.9 | *2.7* | 1.1 | *1.4* | 0.1 | *0.2* | 0.5 | *8.5* | 14.6 | *2.4* |
| Pulau Pinang | 21.6 | *4.5* | 9.4 | *12.2* | 3.0 | *7.3* | * | *0.3* | 34.0 | *5.6* |
| Selangor | 24.0 | *5.0* | 7.6 | *9.9* | 8.9 | *21.9* | 0.1 | *2.1* | 40.6 | *6.7* |
| Trengganu | 41.9 | *8.7* | 0.3 | *0.4* | 0.1 | *0.3* | 0.1 | *1.0* | 42.4 | *7.0* |
| Wilayah Persekutuan | 1.3 | *0.3* | 1.2 | *1.5* | 0.7 | *1.6* | * | *0.5* | 3.2 | *0.5* |
| Jumlah | 483.1 | *100.0* | 77.2 | *100.0* | 40.7 | *100.0* | 5.3 | *100.0* | 606.3 | *100.0* |
| Peratus daripada jumlah | *79.7* | — | *12.7* | — | *6.7* | — | *0.9* | — | *100.0* | — |
| Kadar kemiskinan (%) | *51.1* | — | *23.4* | — | *30.9* | — | *50.3* | — | *42.8* | — |

* Anggaran terlalu kecil.

University of Malaya

# SEMENANJUNG MALAYSIA: PERATUS DI KALANGAN ISIRUMAH MISKIN MENGIKUT NEGERI, BANDAR-LUAR BANDAR DAN KETURUNAN KAUM, 1976—(*samb.*)

| Negeri | *BANDAR* | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Melayu* | | *China* | | *India* | | *Lain-lain* | | *Jumlah* | |
| | *Jumlah isirumah miskin* (000) | *Peratus di kalangan isirumah miskin* (%) | *Jumlah isirumah miskin* (000) | *Peratus di kalangan isirumah miskin* (%) | *Jumlah isirumah miskin* (000) | *Peratus di kalangan isirumah miskin* (%) | *Jumlah isirumah miskin* (000) | *Peratus di kalangan isirumah miskin* (%) | *Jumlah isirumah miskin* (000) | *Peratus di kalangan isirumah miskin* (%) |
| Johor .. .. .. .. .. | 4.4 | *12.1* | 3.8 | *11.9* | 0.8 | *5.6* | * | *9.6* | 9.0 | *11.0* |
| Kedah .. .. .. .. .. | 2.2 | *6.1* | 2.9 | *8.9* | 1.2 | *8.9* | * | *8.9* | 6.3 | *7.7* |
| Kelantan .. .. .. .. .. | 8.2 | *22.7* | 0.6 | *1.7* | 0.1 | *0.9* | 0.1 | *28.6* | 9.0 | *10.9* |
| Melaka .. .. .. .. .. | 0.6 | *1.7* | 1.5 | *4.8* | 0.3 | *2.1* | 0.1 | *9.8* | 2.5 | *3.0* |
| Negri Sembilan .. .. .. .. | 0.7 | *1.9* | 0.8 | *2.7* | 0.5 | *3.7* | — | — | 2.0 | *2.5* |
| Pahang .. .. .. .. .. | 1.5 | *4.3* | 1.1 | *3.5* | 0.1 | *0.6* | 0.1 | *10.4* | 2.8 | *3.4* |
| Perak .. .. .. .. .. | 3.4 | *9.3* | 9.1 | *28.4* | 4.0 | *30.2* | — | — | 16.5 | *20.1* |
| Perlis .. .. .. .. .. | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pulau Pinang .. .. .. .. | 2.4 | *6.7* | 7.3 | *22.8* | 2.4 | *18.1* | 0.1 | *17.2* | 12.2 | *14.9* |
| Selangor .. .. .. .. .. | 1.1 | *3.0* | 2.9 | *9.0* | 1.5 | *10.9* | * | *8.9* | 5.5 | *6.7* |
| Trengganu .. .. .. .. | 9.5 | *26.5* | 0.4 | *1.1* | * | *0.2* | — | — | 9.9 | *12.1* |
| Wilayah Persekutuan .. .. .. | 2.1 | *5.7* | 1.7 | *5.2* | 2.5 | *18.8* | * | *6.6* | 6.3 | *7.7* |
| Jumlah .. | 36.1 | *100.0* | 32.1 | *100.0* | 13.4 | *100.0* | 0.4 | *100.0* | 82.0 | *100.0* |
| Peratus daripada jumlah .. .. | *44.0* | — | *39.3* | — | *16.2* | — | *0.5* | — | *100.0* | — |
| Kadar kemiskinan (%) .. .. .. | *21.0* | — | *10.8* | — | *20.2* | — | *6.2* | — | *15.1* | — |

* Anggaran terlalu kecil.

University of Malaya

A. Anutan politik.

1. Adakah saudara berminat dalam hal politik.
   -sangat suka
   -sederhana saja
   -tidak minat

2. Adakah saudara selalu berbincang dengan rakan tentang politik.
   - selalu
   - kadang-kadang bila sesuai
   - tidak lansung.

3. Kalau diberi pilihan parti mana yang saudara pilih.
   - UMNO/Barisan
   - PAS
   - lain lain parti........

4. Mengapa saudara pilih parti tersebut.
   - kerana ia mewakili bangsa saudara.
   - kerana ia membantu golongan miskin
   - kerana ia bersikap adil kepada semua pihak
   - lain lain........................

5. mengapa pula saudara menolak parti lain.
   - kerana ia bersikap mementingkan satu satu bangsa.
   - kerana ia mementingkan golongan kaya
   - kerana ia lebih tumpukan kepada keagamaan
   - ideologi yang t idak menarik
   - lain-lain............

6. Adakah saudara fikir UMNO/BARISAN mementingkan orang melayu
   - ya
   - Tidak
   - Tidak tahu

University of Malaya

7. Adakah anda fikir MCA menjaga kepentingan orang cina
   - Ya
   - Tidak
   - Tak tahu

8. Bolehkah saudara menerima seorang yang bukan melayu/melayu menjaga kepentingan saudara
   - Ya
   - Tidak

   Berikan sebab-sebabnya..............

B. Pandangan Terhadap Dasar Kerajaan.

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan untuk membasmikan kemiskinan dan mengagihkan kekayaan secara lebih saksama juga bertujuan menyatukan rakyat. Adakah saudara fikir sejak ianya dijalankan telah menampakkan hasil.

| Kemiskinan | Perpaduan Rakyat |
|---|---|
| - Ya | - Ya |
| - Tidak | - Tidak |
| - Mengapa Demikian | Mengapa Demikian |
| ______________________ | ______________________ |
| ______________________ | ______________________ |

2. Adakah saudara fikir dasar ini adil untuk semua bangsa
   - Ya
   - Tidak
   - Tidak tahu
   - Mengapa demikian.....................

3. Adakah saudara fikir DEB ini boleh membaiki keadaan ekonomi orang melayu dan cina
   - Ya
   - Tidak

- Ya
- Tidak
- Tidak tahu
- Mengapa demikian..................

Adakah saudara rasa keluarga saudara mendapat faedah dari dasar ini
- Ya
- Tidak
- Mengapa Demikian..................

Adakah saudara fikir ~~perlu~~ segala kemudahan yang kerajaan berikan seperti subsidi kepada orang-orang miskin itu perlu dan adil
- Ya
- Tidak tahu
- Tidak pasti

Sekiranya saudara rasa saudara tidak mendapat banyak faedah dari kemudahan yang diberikan ini. Apakah dasar dan kemudahan ini perlu diteruskan
- Ya
- Tidak
- Tidak tahu

Siapakah yang saudara rasa mendapat banyak keuntungan dari rancangan dan dasar kerajaan ini
- Semua rakyat
- Cina
- Melayu

<u>Melayu</u>
- Semua melayu
- Melayu miskin
- Melayu kelas pertengahan

<u>Cina</u>
- Semua Cina
- Cina miskin
- Cina kelas pertengahan

University of Malaya

8. Mengapa saudara fikir orang-orang melayu diberi keistimewaan
- Sebab mereka ini Bumiputera
- Sebab rata-rata orang melayu miskin
- Sebab Malaysia kepunyaan orang melayu
- Sebab-sebab lain.......................

9. Pada anggapan saudara mengapakah orang-orang melayu kebanyakannya miskin
- Malas
- Tidak diberi peluang yang sama
- Lain-lain sebab

C. <u>Sikap Dan Pendirian Terhadap Isu-Isu Sosiopolitik</u>

1. Barisan Nasional telah banyak memberi kemudahan dan menjaga kepentingan rakyat. Adakah saudara bersetuju dengan kenyataan ini
- Ya
- Tidak
- Tidak tahu

2. Barisan Nasional banyak menjaga kepentingan rakyat tapi cuma rakyat dari kelas tertentu dari tiga kelompok saja yang mendapat perhatian Adakah anda bersetuju dengan ini.
- Ya
- Tidak
- Tidak tahu

3. Adakah saudara fikir yang Barisan Nasional lebih memberatkan dasar dasar yang melibatkan semua kaum dari mementingkan kelompok-kelompok tertentu dari segi ekonomi dan sosial
- Ya
- Tidak
- Tidak tahu

10. Apakah cara yang paling berkesan untuk mengurangkan masalah perkauman
   - Ekonomi
   - Politik
   - Budaya
   - Cara-cara lain

. Isu-Isu Sosial

1. Apakah saudara fikir yang saudara ini tergolong dalam kelompok kelompok tertentu
   - Tidak ada kelas
   - Kelas pertengahan
   - Lain-lain kelas

2. Apakah saudara rasa saudara ini termasuk dalam masyarakat kampung ini secara umum atau khusus masyarakat Cina sahaja.
   - Ya
   - Tidak

3. Sekiranya ya, apakah ia mempengaruhi sikap politik saudara
   - Ya
   - Tidak

4. Pertelingkahan yang saudara lihat di Malaysia ditimbulkan oleh
   - Pertelingkahan perkauman
   - Pertelingkahan ekonomi
   - Pertelingkahan politik
   - Lain-lain

5. Saudara kenal pasti orang melayu melalui apa
   - Ekonomi
   - Pekerjaan
   - Bangsa
   - Pelajaran

University of Malaya

6. Golongan manakah yang anda rasa tidak mendapat perhatian yang sewajarnya di Malaysia
   - Nelayan, petani, buruh
   - Melayu, Cina, India
   - Kakitangan kerajaan
   - Lain-lain

7. Setujukah anda dengan ini
   - Kerajaan kurang pentingkan rakyat
   - Kalangan kaya patut dibahagikan sama rata
   - Orang kaya menyimpan duit mereka
   - Masyarakat kita mesti dimajukan lagi

<u>Hasrat dan Cita-cita</u>

1. Apakah cita-cita hidup saudara
   - Baiki ekonomi
   - Baiki
   - Lain-lain

2. Apakah saudara rasa saudara boleh capai apa yang dikehendaki
   - Ya
   - Tidak

3. Melihat kepada keadaan sekarang ini, apakah saudara fikir saudara berpeluang untuk ini
   - Ya
   - Tidak

University of Malaya

4. Setinggi manakah pelajaran yang saudara harap akan dicapai oleh anak?

| Universiti (1) | Kolej (2) | Menengah 4-6 (3) | Menengah 1-3 (4) | Rendah (5) |
|---|---|---|---|---|

5. Apakah jenis pelajaran yang baik untuk anak-anak?

| Ugama (1) | Kedoktoran (2) | Sains (3) | Kemanusiaan (4) | Kemasyarakatan (5) |
|---|---|---|---|---|

6. Apakah sebaik-baik peninggalan untuk anak-anak?

| | | |
|---|---|---|
| 1. nama baik | 4. pelajaran | 7. ______________ |
| 2. wang | 5. pendidikan ugama | 8. ______________ |
| 3. tanah/harta | 6. sifat jimat cermat | 9. Lain-lain |

7. Siapakah yang paling berpengaruh dan dihormati di antara orang-orang di bawah ini?

(a) Penghulu
(b) Ketua Kampung
(c) Ahli Politik
(d) Guru
(e) Imam/Bilal
(f) Pegawai Kerajaan
(g) Peneroka tanah

Kod:
1. sangat berpengaruh
2. sederhana saja
3. tidak begitu kuat
4. tidak berpengaruh langsung
5. tak tahu

8. Apakah perkara-perkara yang boleh meninggikan nama seseorang di kampung ini?

(a) keturunan
(b) kebolehan diri sendiri
(c) pelajaran
(d) pekerjaan
(e) kekayaan
(f) hubungan politik
(g) kepercayaan diri sendiri

Kod:
1. Termustahak
2. Mustahak
3. Tidak berapa mustahak
4. Tidak langsung
5. Tidak tahu

9. Apakah 3 masalah besar yang dihadapi oleh

(a) kamu: ______________, ______________, ______________

(b) negara: ______________, ______________, ______________

University of Malaya

10. Sekiranya tuan/puan mewarisi $20,000, bagaimanakah, tuan/saudara bercadang menggunakannya? (tandakan (1) untuk yang diingini)

(a) beli tanah ☐ (d) pelajaran untuk anak ☐ (g) lain-lain ☐

(b) beli rumah ☐ (e) melabur dalam ASN ☐ ____________ (terangkan)

(c) naik haji ☐ (f) berniaga ☐

H. POLITIK

1. Apakah parti politik yang saudara/i sukai? ____________ ☐

2. Mengapa? ____________ ☐

3. Berapa kalikah sudah saudara/i mengundi dalam pilihan raya?

   (a) Parlimen ____________ kali ☐

   (b) Negeri ____________ kali ☐

4. Ketika mengundi apakah yang saudara utamakan, orang yang menjadi calon atau parti yang dianggotainya?

   calon (1) — parti (2) ☐

5. Adakah saudara/i cuba mempengaruhi ahli-ahli keluarga saudara/i dalam mengundi? ____________

   Ada (1)/Tidak (0) ☐

6. Sukakah saudara/i mendengar kempen pilihan raya?

   sangat suka — suka — neutral — tidak suka — benci ☐

7. Kempen parti manakah yang saudara/i selalu hadiri? ____________ ☐☐

8. Jika ada beberapa buah parti yang berkempen dalam masa yang tidak sama, adakah saudara/i menghadiri semua kempen-kempen tersebut?

   Ada (1)/Tidak (0) ☐

9. Apakah parti politik yang paling saudara/i benci? ____________ ☐

10. Adakah saudara menjadi ahli mana-mana parti politik?

   Ada (1)/Tidak (0) ☐

   Jika ada parti apa? ____________ ☐

   Berapa tahun sudah? ____________ ☐☐

11. Jika ada sebuah parti politik yang baru muncul dan berjanji untuk membela untung nasib saudara, sanggupkah saudara memberi sokongan?

   Ia (1) — Tidak Tahu (2) — Mungkin (3) — Tidak (4) ☐

University of Malaya

BIBLIOGRAFI


1. Abdul Aziz Abdul Hamid, Fact and Palacies About Malayan Economy, Singapore University Press, 1957.

2. ____________________, jejak-jejak di pantai zaman, Universiti Malaya Press, 1975.

3. Alias Mohamed, Kelantan di bawah PAS; Masalah Tanah dan Rasuah, Insular Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1984.

4. Azizah Kassim, Politic of Accomodation. A case study of Malay squatters in Kuala Lumpur Tesis Ph.D., University of London.

5. Clarck, Robert P., Development and Instability, political change in the non-western world, Hinsdale, 111, Dryden Press, 1974.

6. Gans, Hobert, Culture on class in the study of poverty: An Approach to Anti-poverty Research, dalam Moniham, D.P (ed.), On understanding Poverty, New York Basic Books, 1969.

7. Howard S. Bartley, Principles of Perceptions, Harper & Brothers, New York, Michigan State University, 1958.

8. Huntington Samuel and John M. Nelson, P., "No easy choice: Political Perticipation in developing Countries, Cambridge., Mass, Havard University Press, 1976.

9. International Encyclopedia of Social Science, Vol 12, 1968.

10. Ishak Shari & Jomo K.S., Apakah Dasar Ekonomi Baru dapat mencapai perpaduan kebangsaan, Pembangunan & Ketidaksamaan 27 tahun selepas merdeka, Institut Analisa Sosial, Sun Traders, 1984.

11. Lewis, Oscar, La Vida, Vintage Books, New York, 1966.

12. Mohammed Fauzi Hj. Yaacob, Ugama dan Usaha Dalam Lapangan Ekonomi di kalangan orang-orang Melayu, Tesis M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

13. Munn, N.L., Psychology: The Fundemental of Human Adjustment, 2nd ed., Honghton Mifflin, 1957.

14. Mydral, Gunar, The challenge of world poverty: A world Anti-Poverty Programme in Outline, New York, Vintage Books, 1970.

15. Powell, J. Duncan, Political Moblization of the Venezuelan preasant, Cambridge, Mass., Harvard University Press, 1977.

16. Parkinson B.K., Non Economic Factors in the Economic Reterdation of Rural Malays, Modern Asian Studies, Jilid 1, Bil. 1, January, 1967.

17. Rein Martin, Problems in the Defination and Measurement of Poverty, dalam kuis fireman (ed.), Poverty in America, Ann Arbour, The University of Michigan Press, 1972.

18. Roach J.L and Roach J.K. (eds) Poverty, Hanworth, Middle sex, England, Penguin, 1972.

University of Malaya

19. Rokiah Talib, Rancangan Tanah sebagai satu strategi Pembangunan- Satu kajian kes ke atas Rancangan Tanah Negeri Kelantan, Tesis untuk Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978.

20. Sherif Muzafar and Carrolyn W. Sherif, Social Psychology, New York, Harper and Row (1969), published under title: An outline of social psychology (1948 & 1956).

21. Syed Husin Ali, Kemiskinan dan kelaparan Tanah di Kelantan, Karang Kraf Sdn. Bhd, 1978.

22. Syed Husin Ali, Social Stratification in Bagan, JMBRAS, 1964.

23. Townsend P., The concept of Poverty, Heineman, 1970.

24. Watan, Selasa 30-3 Mei 1985.

25. Yusuf Suratman, Kemiskinan di kalangan orang Melayu Bandar, satu kajian kes setinggan di Bandar Johor Bharu, Tesis M.A. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979.

University of Malaya